


Jilid I
Bil. 85



Hari Khamis
14hb November, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13873]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 13920]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992 (Ruangan 13920)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.!, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri KerjaRaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RARDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BTN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N, S.M.J. (Kola Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Balu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negaradan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.s.D.K., s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pcbangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUI, GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.p.M.s. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOMAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Dalok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJT OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamal).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN AHDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kola Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- .. TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- .. DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN HAJI AWANG BIN JABAK, S.M.T., A.M.N., P.I.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- .. TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- .. TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- .. TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Pelani).
- .. LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- .. DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGCA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- .. TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Scputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD DIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kola Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambangan).
- „ TUAN MICHAEL USA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.i.M.p., p.j.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.H.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.u, K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ASD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD, JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING Fook (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 14bb November, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-
perergusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SEKOLAH RENDAH AGAMA—
AMBILALIH**

**1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar
bin Rautin Ibrahim** minta Menteri
Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengambilalih sekolah rendah agama di seluruh negara;
- (b) jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan sukatan pelajaran sekolah agama seluruh negara; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang mewajibkan pelajar sekolah rendah Islam mengikuti sekolah rendah agama bagi meningkatkan pengelahuan agama,

**Menteri Pendidikan (Dato' Amar
Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):**
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman
Ahli-ahli Yang Berhormat,

- (a) setakat ini Kementerian Pendidikan belum ada cadangan untuk mengambilalih sekolah-sekolah rendah agama di seluruh negara.

(b) Pada ketika ini penyediaan sukatan pelajaran yang tersebut sedang dalam perancangan pihak Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Pihak Kementerian Pendidikan menjadi Ahli Jawatankuasa Teknikal LEPAI dan memberikan sumbangan keikh-tisahan dari sudut perancangan, pengurusan dan pelaksanaan kurikulum.

(c) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mewajibkan pelajar-pelajar Islam mengikuti sekolah rendah agama kerana memikirkan urusan pendidikan seseorang pelajar adalah terletak di bawah tanggungjawab ibu bapa masing-masing. Peranan Kerajaan ialah dari segi menggalakkan semua ibu bapa menghantar anak-anak mereka mempelajari perkara-perkara yang berkaitan dengan Pendidikan Islam sama ada di sekolah-sekolah rendah agama ataupun di kelas-kelas Fardhu Ain bagi memperkukuhkan lagi pendidikan Islam yang telah diadakan di peringkat sekolah rendah biasa.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan.
Adakah sekolah-sekolah rendah ini didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan dan sebanyak mana sumbangan yang diberi oleh Kementerian kepada sekolah-sekolah rendah agama ini di seluruh negara?

Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu sekolah itu seharusnya mengikut peraiuran didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, ada sekolah-sekolah agama negeri yang khususnya memberi pendidikan agama didaftarkan di bawah Kerajaan Negeri. Tentang sumbangan, saya tidak mempunyai angka-angka yang tepat tetapi anggarannya adalah antara \$8 juta ataupun \$12 juta setahun.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa sudah hampir setahun ada sekolah-sekolah rendah agama ataupun sekolah agama rakyat di Perak yang masih lagi belum dapat bantuan. Saya pohon penjelasan dari pihak Menteri.

Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sukar saya hendak memberi penjelasan. Soal yang pertama, adakah tidak pihak sekolah ini memohon bantuan daripada pihak Kementerian Pendidikan. Jika sekiranya belum, saya rasa ada baiknya juga kalau Yang Berhormat mengemukakan permohonan ini selaku Wakil Rakyat dari negeri yang berkenaan, dan insya Allah kita akan menimbangakan.

REDANG ISLAND RESORT— PROJEK PEMBANGUNAN

2. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan alasan-alasan yang telah dikemukakan sehingga mengizinkan Kerajaan Negeri Terengganu melaksanakan projek pembangunan di Pulau Redang yang dikendalikan oleh Redang Island Resort sedangkan:

- (a) Perairan Pulau Redang telah diisytiharkan sebagai Taman Laut di bawah Akta Perikanan (Pindaan 1985);

(b) beberapa pakar saintis termasuk Jabatan Perikanan sendiri telah mengumumkan pendapat mereka bahawa projek sebegini di pulau tersebut jelas akan mengancam status Taman Lautnya akibat daripada hakisan tanah, pemen' dapan sungai dan laut, pemusnahan sisa-sisa kimia, pemusnahan hutan bakau dan sebagainya;

(c) Kerajaan Negeri Terengganu sendiri pada suatu ketika yang lalu telah membuat keputusan untuk mengekalkan Pulau Redang sebagai Taman Negeri (State Park) selaras dengan statusnya sebagai Taman Laut; dan

(d) Jabatan Perikanan sendiri telah mengemukakan bantahan mereka terhadap projek Redang Island Resort.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):

Tuan Yang di-Pertua kelulusan bagi sebarang pembangunan projek adalah di luar bidangkuasa Kementerian ini. Seksyen 34(a) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 hanya memperuntukkan bahawa sebarang aktiviti yang ditetapkan di bawah Akta ini hendaklah menjalankan kajian penilaian kesan kepada alam sekitar (EIA) dan mengemukakan laporan tersebut kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Ketua Pengarah selepas meneliti laporan tersebut dan mendapati ia memenuhi kebendak Seksyen 34(a) adalah dikehendaki supaya meluluskan laporan tersebut dengan/atau tanpa syarat. Kelulusan laporan EIA bagi pembangunan Redang Island Resort dikemukakan kepada pihak berkuasa meluluskan projek yang relevant iaitu Kerajaan Negeri Terengganu Darul-Iman pada 15 hb Mac, 1991. Dalam mempertimbangkan Laporan EIA, antara perkara utama yang diambil kira ialah langkah-langkah

kawalan dan tebatan untuk mengurangkan kesan-kesan yang tidak diinginkan termasuk hakisan tanah dan pemendapan sungai dan laut ke tahap yang dapat diterima. Dalam hal ini, kelulusan laporan EIA telah diberi setelah Jabatan Alam Sekitar berpuas hati dengan langkah-langkah kawalan yang dicadangkan dan syaral-syaratkelulusan dikenakan kepada pemaju.

Jabatan Atam Sekitar juga tidak menerima bantahan daripada Jabatan Perikanan. Malah mengambilkira nasihat teknikal Jabatan berkenaan dalam merangka dan melaksanakan program-program pengawasan pelaksanaan projek tersebut. Peng wartaan Enakmen Taman Negeri adalah bidangkuasa Kerajaan Negeri Terengganu Darul-Iman. Dan setahu saya setakat ini Pulau Redang tidak diisytiharkan sebagai Taman Negeri. Enakmen tersebut belum lagi diwartakan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan, adakah pihak Kementerian menghantar pegawai-pegawai atau pakar-pakar Jabatan Alam Sekitar untuk membuat kajian terlebih dahulu sebelum daripada meluluskan permohonan yang dikemukakan oleh pihak yang mahu mengendalikankan rancangan tersebut?

Yang kedua, adakah Jabatan Alam Sekitar tidak mengambilkira juga tentang penduduk Pulau Redang yang telah berpindah dan akan berpindah lagi kali yang kedua dan dibiarkan begitu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar memang sudah melawat lapak projek itu dan sebelum mereka mengambit keputusan tentang laporan EIA yang dikemukakan oleh pihak pemaju.

Kesan kepada pihak penduduk di kampung tersebut pun juga diambilkira

dan mereka diminta pindah bukan kerana arahan atau kehendak laporan EIA itu, tetapi perundingan dijalankan oleh pihak pemaju dan juga Kerajaan Negeri supaya mereka dipindah ke tapak yang lain.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi telah menyatakan bahawa sebelum projek ini dilaksanakan, pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar sudah pergi menyiasat tapak projek yang berkenaan. Saya ingin tahu sama ada pegawai-pegawai tersebut pergi melawat projek itu pada peringkat ia sedang dilaksanakan. Saya rasa pihak Jabatan patut membual lawatan yang lebih kerap dan membuat laporan untuk menghapuskan kebimbangan pihak pencima-pencinta alam sekitar yang menimbulkan projek ini sebagai satu isu pada masa ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jawapannya memang ada dan nasihat Ahli Yang Berhormat telah diambilkira. Saya rasa pegawai-pegawai akan melawat lebih kerap lagi ke tapak projek tersebut.

SIARAN TV BERSEMPADAN NEGERI THAI—GANGGUAN

3. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah hasil atau keputusan berekoran dari perbincangan/dialog di antara rombongan Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha dan pihak negeri Thai baru-baru ini mengenai kegunaan oleh pihak negeri Thai pemancar dan gelombang yang sama yang telah membawa gangguan kepada TV2 kita; dan
- (b) jikalau perbincangan/dialog gagal untuk mencapai sebarang hasil, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepertimana telah dilaporkan dalam Dewan yang mulia ini pada sidang-sidang yang lalu bahawasanya pihak Kementerian Penerangan sedang berusaha secara berterusan bagi memperbaiki lagi gangguan-gangguan penerimaan siaran TV yang terdapat di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara Thai. Usaha rundingan tidak mencapai sebarang kemajuan dan pihak Kementerian masih lagi berusaha untuk menyakinkan pihak berkuasa Thai supaya mengalih gelombang siarannya, oleh kerana gangguan gelombang tersebut adalah hak RTM sebagai pengguna pertama.
- (b) Oleh kerana Kementerian belum lagi berputus asa dengan usaha yang telah dilakukan, maka setakat ini Kementerian masih lagi menjalankan usaha-usaha untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Soalan tambahan, apakah punca atau "weak point" yang ada di pihak Malaysia bila setiap kali rundingan seolah-olahnya menampakkan pihak Thailand yang menang? Kalau terus gagal, apakah pihak Kementerian Penerangan bercadang untuk mengadu kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap kedegilan pihak Thailand dalam mengganggu siaran kawasan kita?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak terdapat sebarang kelemahan di pihak negara kita ataupun wakil-wakil kita yang pergi berunding dengan pihak Thai kerana setakat ini kita masih berpegang teguh kepada semangat ASEAN di mana kita percaya bahawa sebarang perundingan yang berlaku atau sebarang

masalah dapat diselesaikan berdasarkan spirit ASEAN yang ada setakat ini.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa terdapat beberapa stesyen pemancaran terletak berhampir dengan sempadan Malaysia dan Thai dan mungkin ini adalah salah satu sebab terdapatnya gaggguan. Saya ingin tahu mengapakah Kerajaan Thai meletakkan stesyen pemancarnya dekat dengan sempadan kita?

Yang kedua, adakah Malaysia juga bercadang untuk meletakkan stesyen pemancarnya berdekatan dengan sempadan Malaysia-Thai bagi membolehkan pengguna-pengguna di negeri Thailand mendapat pancaran daripada negara ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada kedua-dua soalan tambahan ini bolehlah saya sebutkan di sini bahawa soal menempatkan transmitter dekat ke sempadan yang boleh masuk lebih jauh pancarannya ke negara Thai, kita sebenarnya boleh juga membuat demikian. Tetapi sama dalam ertikata yang sebenarnya, seperti saya katakan tadi oleh kerana kita tidak mahu menimbulkan sebarang perselisihan faham dengan jiran kita, maka itulah kita lebih berhati-hati supaya tidak timbul sebarang salahfaham walaupun kita tahu Thailand di pihak yang salah kerana frequency yang mereka gunakan adalah frequency kita—VHS. Tetapi selagi kita fikirkan masih ada jalan untuk melakukan perundingan-perundingan di antara kita dengan Thailand, maka kita akan cuba sedaya yang mungkin.

AKSESORI KERETA— KAWALAN HARGA

4. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) mengapa tiada tindakan yang diambil terhadap Kumpulan

Pengeluar Kenderaan (Motor Assemblers) daripada mengeksploitasi pembeli-pembeli kereta baru dengan memaksa mereka dari membeli aksesori-aksesori kereta seperti sportrims, mud flaps, carpet, radio cassette, air-conditioner, central locking system dan lain-lain di mana tidak menjejaskan kelancaran kerela tersebut tetapi memberi keuntungan kepada Kumpulan Pengeluar Kenderaan sahaja; dan

- (h) apakah tindakan yang segera akan diambil terhadap Kumpulan Pengeluar Kenderaan (Motor Assemblers) seperti Kah Molor Sdn. Bhd. (kereta Honda) dan EON (kereta Proton Saga) untuk melindungi orang awam daripada dieksploitasikan oleh Kumpulan Pengeluar Kenderaan tersebut. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut dasar yang diamalkan ke atas pemasangan kereta penumpang dan kenderaan perdagangan, Kementerian hanya mengawal harga asas kereta atau, dengan izin, nett selling price (NSP). Di antara elemen-elemen dalam kawalan NSP ialah harga bungkusan CKD, dengan izin, completely knocked-down pack, harga tambang ataupun freight, duti import, kos pemasangan, komponen tempatan, kos pentadbiran dan kadar keuntungan ataupun margin. Ini bermakna alat-alat aksesori seperti sport rims, mud flaps, carpet, radio cassette, air-conditioner, central locking system dan lain-lain yang tidak termasuk dalam pengiraan NSP tidak dikawal harganya, dan

terpulang kepada penjual untuk menawarkan alat-alat aksesori tersebut kepada pembeli.

- (b) Kerajaan telah mengkaji dasar ke atas pemasangan kereta penumpang dan kenderaan perdagangan, dan mempersetujui supaya pemasangan alat-alat aksesori kepada kereta penumpang dan kenderaan perdagangan boleh dibenarkan secara terkawal. Alat-alat aksesori yang boleh dibenarkan adalah:
- (i) air-conditioner;
 - (ii) radio cassette;
 - (iii) central locking system;
 - (iv) anti-rust;
 - (v) alarm system; dan
 - (vi) power window.

Dengan syarat, alat-alat aksesori berkenaan telah dibangunkan sendiri oleh pemegang-pemegang franchise bersama dengan pembuat sebagai alat-alat untuk dibekal, dengan izin, "original equipment market".

Yang kedua, pembuat alat-alat aksesori ini mempunyai program perolehan parts tempatan; dan ketiga, pemasangan kepada kereta mendapat kelulusan Kementerian, Harga alat-alat aksesori ini akan dikawal oleh Kementerian sebagai elemen tambahan kepada NSP. Aksesori-aksesori yang tidak mematuhi syarat-syarat tersebut dianggap sebagai aksesori pilihan dan pengguna diberi kebebasan sepenuhnya. Peraturan ini akan berkuatkuasa mulai bulan Mei 1992. Dengan pelaksanaan kawalan pemasangan alat-alat aksesori ini, Kementerian berharap akan menjaga kepentingan pengguna daripada dieksploitasikan oleh syarikat-syarikat pemasangan kereta penumpang dan kenderaan perdagangan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat mengapakah Kerajaan tidak menjadikan alat-alat aksesori kereta seperti alat pendingin udara, radio cassette dan kunci kawatian pusat sebagai pilihan kepada para pembeli kereta, kerana ini membolehkan mereka bebas membeli aksesori daripada pemasangan siap dalam kereta walaupun harga sudah dikawal tetapi pembeli belum tentu berkenan.

Soalan kedua, adakah Kementerian sedia menimbang lagi rayuan orang ramai atau pengguna supaya alat-alat aksesori ini dijadikan barang pilihan kepada para pembeli kenderaan.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian harus mengkaji dengan mendalam industri kereta-kereta dan juga alaialat untuk kereta ini dan kita berpendapat jika kita mengadakan aksesori seperti yang telah disebutkan, sebagai aksesori yang boleh dibuat oleh pihak pembuaian kereta ini, saya rasa pada masa akan datang dan juga pada masa jangka panjang, kita boleh dapat satu harga yang beralpahan di atas alat-alat ini dan seterusnya ini juga akan mcnggalakkan industri kereta dan juga industri pembuatananalal-alatuntukkereta-kereta ini.

Yangkedua, inisayarasakitatidak boleh meliputi semua alat-alat yang akan digunakan di dalam kereta oleh kerana ada banyak alat-alat dengan harga yang begitu kecil. Saya rasa pihak pengguna boleh memilih dari mana-mana pihak berhubung dengan alat-alat murah ini. Kita akan memaksa hanya alat-alat dengan harga yang tinggi sahaja.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Periua, ada dua soalan tambahan. Soalan yang prtama, secara general bagaimanakah perbezaan harga kereta yang dijual complete dengan aksesori macam mud flaps, carpet, radio cassette dan air conditioner dengan

kereta yang dijual ada dimasukkan benda-benda ini sama.

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk menjual kereta dalam pasaran kepada masyarakat umum terutama sekali kepada pihak Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Kalau dia beli kereta, jual kereta dalam kolak, oleh kerana dia sendiri akan assemblynya.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Periua, kereta-kereta yang mempunyai alat-alat seperi yang lelah saya katakan tadi, pada masa kini sedang mcngadakan satu harga yang lebih kurang \$5,000 atau \$6,000 lebih daripada kereta tanpa alat-alat yang saya katakan tadi. Tetapi kita berpendapat pada masa akan datang, dengan economy of scale, kita boleh dapat satu harga yang lebih berpatutan dan kita boleh mengurangkan jumlah kos untuk alai-atat yang telah dikatakan tadi.

Berkaitan dengan soalan berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya rasa saya tidak boleh jawab. Itu terpulang kepada Yang Berhormat berkenaan.

PINJAMAN KEPADA PENJAJA KECIL

5. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kewangan menyatakan Ungkah-langkah atau perancangan bagi mengatasi masalah penjaja kecil datam mendapal pinjaman yang memerlukan penjamin serta juga masalah persaingan dengan peniaga sederhana/besar. Adakah perancangan untuk mengadakan had-had dari segi modal dan jenis perniagaan bagi menjamin keadilan dari segi pengagihan pasaran.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, masalah mendapalkan pinjaman tanpa penjamin dan lanpa cagaran di kalangan penjaja dan peniaga kecil telah diberi perhatian

sewajarnya oleh Kerajaan dengan mewujudkan skim-skim pinjaman khas untuk mereka. Pada masa ini dua skim pinjaman untuk penaja dan peniaga kecil sedang beroperasi di bawah pengendalian Syarikat Jaminan Kredit. Skim-skim pinjaman itu:

- (1) Tabung pinjaman penaja dan peniaga kecil dengan peruntukan sebanyak \$100 juta. Ia menyediakan pinjaman sehingga \$5,000 dengan kadar faedah 4% setahun dan tempoh bayaran balik tidak melebihi 48 bulan. Skim ini bermula pada tahun 1986 dengan nama Skim Pinjaman Khas Penaja dan Peniaga Kecil dan ditukarkan kepada nama sekarang 1990 setelah dibuat beberapa perubahan ke atasnya. Setakat ini sehingga September 1991 sebanyak 14,998 pemohon telah mendapat faedah daripada skim ini dengan jumlah pinjaman sebanyak \$36 juta.
- (2) Skim kedua ialah Skim Pinjaman Khas Persatuan dengan peruntukan sebanyak \$20 juta. Ia menyediakan pinjaman sehingga \$2,000 tanpa faedah. Ia hanya mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak \$50 bagi pinjaman tidak melebihi \$1,000 dan \$80 bagi pinjaman melebihi \$1,000. Tempoh bayaran balik tidak melebihi 24 bulan. Skim ini diperkenalkan sejak tahun 1990 dan sehingga September 1991 sebanyak 4,256 permohonan dengan jumlah pinjaman sebanyak \$8.5 juta telah mendapat faedah daripada skim ini.

Kedua-dua skim ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada lapan buah bank perdagangan dan setiap pinjaman yang dikeluarkan adalah dijamin 100% oleh Syarikat Jaminan Kredit dan pemohon tidak perlu menyediakan sebarang cagaran ataupun penjamin.

Bagi memastikan skim-skim pinjaman ini hanya dinikmati oleh para penaja dan peniaga kecil sahaja beberapa syarat telah dikenakan kepada pemohon-pemohon di mana mereka di antara lain hendaklah menjadi ahli persatuan penaja dan peniaga kecil yang diiktiraf oleh Syarikat Jaminan Kredit. Mereka mempunyai lesen perniagaan yang sah dan bagi mereka yang ingin memohon pinjaman di bawah Tabung ini, mereka hendaklah mempunyai jumlah aset perniagaan tidak melebihi \$20,000 dan jumlah pinjaman perniagaan yang sedia ada tidak melebihi \$5,000 tidak termasuk pinjaman rumah, kenderaan dan juga pinjaman Amanah Saham Nasional.

Bagi pemohon di bawah Skim Pinjaman Khas Persatuan pula, mereka hendaklah mempunyai jumlah aset tidak melebihi \$10,000 dan jumlah pinjaman perniagaan yang sedia ada tidak melebihi \$2,000 tidak termasuk pinjaman rumah, pinjaman kenderaan persendirian dan pinjaman Amanah Saham Nasional.

Syarat-syarat tertentu yang dikenakan ke atas pemohon-pemohon di bawah kedua-dua skim ini akan memastikan bahawa peluang pinjaman hanya terbuka kepada penaja dan peniaga kecil sahaja. Dengan itu soal persaingan dengan peniaga-peniaga besar untuk mendapatkan sumber kewangan daripada skim-skim itu adalah tidak berbangkit.

Bagi peniaga-peniaga sedcrhana yang mempunyai jumlah aset perniagaan sehingga \$500,000 mereka boleh mendapatkan kemudahan pinjaman di bawah Skim Jaminan Utama yang juga dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit dan skim ini disertai oleh semua bank perdagangan. Pinjaman-pinjaman yang dibuat di bawah skim ini dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit sehingga 70% ataupun \$50,000 yang mana lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah persaingan di dalam bidang perniagaan

adalah merupakan perkara biasa dalam sistem pasaran bebas. Kita tidak boleh asingkan di antara bidang yang boleh diterokai oleh peniaga kecil dengan bidang yang boleh diterokai oleh peniaga besar kerana jenis perniagaan mereka adalah hampir sama hanya saiznya yang berbeza mengikut kemampuan modal dan kepakaran masing-masing. Sungguhpun begitu masalah persaingan di antara penjaja ataupun peniaga kecil dengan peniaga besar tidak sepatutnya berbangkit kerana golongan penjaja ataupun peniaga kecil mempunyai golongan pelanggan yang berbeza dengan golongan pelanggan peniaga besar. Mereka pada amnya menjalankan perniagaan ataupun perkhidmatan untuk dua golongan pelanggan yang berbeza-beza.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah memajukan usahawan kecil dan sederhana sentiasa dibcri perhatian oleh Kerajaan. Di anlara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan adalah melalui konsep payung. Di bawah konsep ini syarikat-syarikat besar dipertanggungjawabkan untuk membantu memajukan syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang ada kaitan dengannya. Sebagai contoh, Proton telah dipertanggungjawab untuk memajukan syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang mengeluarkan komponen-komponen kereta. Furniture Sdn. Bhd. telah dipertanggungjawab untuk memajukan syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang terlibat dalam pembuatan perabut.

Melalui konsep payung itu, syarikat-syarikat kecil dan sederhana adalah terlibat di dalam pengeluaran komponen-komponen tertentu yang ada berkaitan di antara satu sama lain dan konsep ini di antara lain akan menjamin pasaran ke atas barang-barang yang dikeluarkan dan jua memudahkan aktiviti pembangunan, penyelidikan dan yang lain berkaitan dengan industri. Maka inilah pendekatan yang akan diutamakan oleh pihak Kerajaan supaya

peniaga besar, kecil dan sederhana akan hidup kait-mengait dan seiring sejalan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Periua, soalan tambahan. Kita sering mendengar sungutan dari penjaja dan peniaga kecil tentang kelewatan mendapat kelulusan daripada Syarikat Jaminan Kredit. Apakah sebab perkara ini berlaku? Apakah langkah yang telah diambil bagi menentukan bahawa Syarikat Jaminan Kredit akan memberi kelulusan kepada peminjam-peminjam dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ada lapan bank-bank perdagangan yang bersama-sama dengan pihak Syarikat Jaminan Kredit untuk menyempurnakan kemudahan ini. Maka pemohon-pemohon perlu terlebih dahulu merujuk kepada cawangan-cawangan bank-bank yang berkenaan untuk diproses di peringkat bank berkenaan. Selepas itu disalurkan kepada Syarikat Jaminan Kredit.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya agak mengambil masa untuk sesuatu diputuskan secara muktamad, mungkin ada berlaku kelewatan di peringkat cawangan-cawangan bank perdagangan, dan mungkin juga di peringkat Syarikat Jaminan Kredit. Di samping itu pula, apabila diperlukan kepada sokongan daripada pihak Persaluan Peniaga dan Penjaja Kecil, maka pihak yang berkenaan juga perlu menyemak tentang kewajaran pemohon-pemohon untuk mendapat sokongan daripada Persatuan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru itu akan saya ambil perhatian untuk saya sampaikan kepada pihak CGC.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di- Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, 8 buah bank yang disebut itu,

apakah nama bank itu? Adakah bank ini beroperasi di Sarawak dan macam mana cara kelulusannya? Adakah di peringkat cawangan sahaja ataupun menunggu kelulusan daripada peringkat ibu pejabat bank yang tersebut? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, bank-bank yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (i) Bank Bumiputra Malaysia Berhad.
- (ii) Malayan Banking Berhad.
- (iii) United Malayan Banking Corporation Berhad.
- (iv) Kwong Yik Bank Berhad.
- (v) Perwira Habib Bank Malaysia Berhad.
- (vi) Hock Hwa Bank Berhad.
- (vii) Sabah Bank Berhad.
- (viii) Public Bank Berhad.

Dan ianya beroperasi di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada dirujuk kepada ibu pejabat bank-bank yang berkenaan, saya percaya bahawa ianya tertakluk kepada malan bank masing-masing.

KEMPEN ANTI MALAYSIA

6. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar akan beberapa orang wakil rakyat telah terlibat dengan pencintaalamasingyangtelahmelancarkan kempen Anti Malaysia, dan kalau sudah, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang tidak taat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari terdapatnya beberapa orang

tertentu yang terlibat di dalam kegiatan Pertubuhan Bukan Kerajaan ataupun NGO seperti Pertubuhan Pencinta Alam di negara asing. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan demokrasi dan kebebasan bersuara, Kerajaan tidaklah menghalang penglibatan mereka asalkan tindakan-tindakan mereka tidak bercanggah dengan undang-undang negara. Atas kesedaran ini, pihak Kerajaan sentiasa berwaspada dan mengawasi kegiatan-kegiatan mereka yang berkenaan dan jika didapati kegiatan-kegiatan yang dijalankan boleh membangkitkan ancaman kepada keselamatan negara dan memudaratkan ketenteraman awam, pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka dan sesiapapun selaras dengan undang-undang negara.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapakah Wakil-wakil Rakyat yang terlibat itu dan dari mana?

Kedua, jika sabit kesalahan Wakil-wakil Rakyat itu yang melancarkan kempen anti Malaysia sebelum dan sesudah menjadi Ahli Dewan yang mulia ini, adakah mereka boleh memohon maaf secara terbuka di Dewan yang mulia ini alaupun secara bertulis?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut dalam jawapan tadi iaitu Kerajaan sedar beberapa orang Wakil Rakyat terlibat dalam pertubuhan berkenaan, bukannya mereka itu sudah melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan undang-undang. Jadi kalau hendak namanya semua, saya tidak boleh beri sekarang sebab mereka adalah ahli kepada satu pertubuhan iaitu Pencinta Alam.

Soalan sama ada mereka kena minta maaf atau tidak, sepertimana saya sebutkan tadi, Kerajaan berwaspada jika sekiranya sampai ke satu tahap yang memudaratkan ketenteraman awam, maka kita akan mengambil tindakan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini kalau seseorang Wakil Rakyat atau mana-mana orang yang menyokong sesuatu Pertubuhan Antarabangsa, dalam hal ini Pertubuhan Alam Sekitar Antarabangsa, membawa suatu isu tentang pentingnya alam sekitar. Apakah sebenarnya kesalahan di sisi undang-undang negara? Apakah perbuatan seperti ini mengancam keselamatan negara? Dan jika tidak, mengapa ianya dianggap sebagai suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang negara, kita, kerana tidak ada kesalahan sebenarnya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, tidak ada mana-mana bahagian daripada jawapan itu saya kata sesiapa Wakil Rakyat yang sudah salah, cuma saya kata "kitaselalu berwaspada" kecuali mereka yang telah melakukan sesuatu yang terlampau seperti kata pepatah "Siapa yang makan cabai dia rasa pedas". Kalau dia rasa reaksi begitu tinggi, terpulang kepada dialah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Peraturan 26(1)(p)—satu perkara tentang tertib mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: 36(1)(p)....

Tuan Sim Kwang Yang: 26(1)(p). Di mana saya diberi peluang untuk mengemukakan satu perkara tentang Hak dan Kebebasan tanpa notis.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Sibu sudah membuat tuduhan bahawa beberapa Ahli Parlimen

sudah menolong satu Kempen Anti Malaysia dan tidak taat setia. Saya cadangkan supaya tuduhan dia dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (*Tepuk*) sebab tanpa membuat tuduhan spesifik semua 180 orang Ahli-ahli Yang Berhormat sudah dibawa syak-syak yang tidak diingini.

Seorang Ahli: Makan cabai!

Tuan Sim Kwang Yang: Maka dialah yang perlu diperiksa oleh satu Jawatankuasa supaya menentukan siapakah yang anti Malaysia, yang tidak taat setia, yang jahat, yang perlu dipenjarakan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Kalau perkara ini tidak dijelaskan mungkin ramai orang daripada Barisan Nasional pun susah, sebab mereka pun disyaki bahawa mereka tidak taat setia kepada Malaysia. Itulah cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap ya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Diatas perkara yang sama?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ada perbezaan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di atas perkara yang sama?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bukan masalah merujuk untuk mengetahui, tetapi saya mempersoalkan di bawah Peraturan Dewan telah disebut dengan jelas bahawa soalan-soalan yang mewujudkan prasangka, niat jahat kepada

orang lain tidak boleh dikemukakan, Saya tidak nampak bagaimana soalan ini boleh diterima di dalam Dewan ini kerana ianya nyata, ianya merupakan satu perkara yang bertentangan dengan Peraturan Dewan. Sedangkan soalan-soalan daripada pihak Pembangkang yang nampaknya tidak bersifat prasangka, banyak soalan ditolak. Misalnya soalan Yang Berhormat dari Nilam Puri yang pada pandangan saya boleh diterima dan tidak ada prasangka buruk, tetapi ditolak oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua point of order di dalam perkara ini. Yang Berhormat dari Bandar Kuching membawa satu point of order di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), dan perkara ini jikalau Yang Berhormat itu hendak masukkan Motion ataupun Usul ke dalam Peraturan Mesyuarat, silalah bawa masuk ke dalam Aturan Mesyuarat. Satu perkara yang boleh dibawa dengan serta-merta ialah satu perbuatan yang menghina, yang dikatakan in the face of the House, yang orang nampak betul-betul dan tidak boleh disangkal, kemudian barulah kita bawa terus, yakni ada perkara-perkara yang boleh dibahaskan ataupun dibincangkan sama ada perbuatan itu perbuatan menghina atau tidak. Yang itu berkehendakkan kepada satu debate atau perbahasan, yang demikian hendaklah dibuat dengan secara Motion atau Usul.

Berkenaan dengan satu lagi point of order itu ialah sama ada soalan ini patut diterima atau tidak, tetapi jikalau sekiranya kita baca dan tengok soalan ini, kita lihat dia tidak kata kepada mana-mana Ahli Dewan Rakyat. (*Tepuk*) Jika dia sebut nama tidak bolehlah. Saya pun tertanya-tanya barangkali dia berkata kepada The Green Peac' iaitu Ahli-ahli Dewan Rakyat di Jerman ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat di Australia, maka yang demikian...

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak beri saya punya keputusan, jikalau sekiranya Yang Berhormat tidak bersetuju, Yang Berhormat jalankanlah apa Yang Berhormat boleh jalankan. Nanti saya baca sekali lagi, "Beberapa orang Wakil Rakyat telah terlibat"—tidak, dia tidak kata Dewan Rakyat ini.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, kita teruskan, janganlah membuang masa ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada bahagian yang akhirnya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang tidak taat ini iaitu Ahli-ahli Parlimen yang tidak taat ini. Ini sangat spesifik iaitu "Ahli-ahli Parlimen Malaysia" dan bukan Ahli-ahli Parlimen Jerman, Europe atau mana-mana oleh kerana kepada mereka masalah tidak taat atau loyal kepada Malaysia tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itupun pada fikiran saya sangat umum. Bukanlah sampai benda ini menjadi satu perkara yang begitu besar. Jikalau sekiranya kita Ahli-ahli Dewan tidak boleh kata begini, kemudian kesemuanya benda-benda yang barangkali akan menjadi satu perkara yang tidak elok maka saya akan sekat cakup. Tidak bolehlah begitu kerana kita di sini kena ada sedikit latitude. Kita boleh beri jikalau sekiranya ada orang yang mengatakan atau Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan kita adalah melancarkan kempen anti-Malaysia berkenaan dengan alam sekitar. Saya rasa perbuatan itu, ia per se, sendiri dia, bukan salah sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kementerian tadi itu.

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bercakap hanya jikalau sekiranya atas point of order.

Dr Kua Kia Soong: Bolehkah atas point ini?

Tuan Yang di-Pertua: Atas point of order.

Dr Kua Kia Soong: Alas latitude yang mesti....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, point of order sahaja.

ORANG ASING MEMILIKI HARTANAH

7. **Tuan Lim Hock Seng** mima Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada Kerajaan berniat menghadkan atau melarangkan orang-orang asing memiliki harta benda seperti tanah dan rumah atau bangunan melainkan kilang-kilang perusahaan di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, dasar pemilikan harta tanah-tanah pertanian, perumahan atau perindustrian oleh warganegara asing ditentukan di bawah Kanun Tanah Negara. Pada masa ini, dasar Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kanun Tanah Negara memberi kebebasan kepada warganegara atau syarikat asing memiliki hartanah di negara ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama, sehingga setakat ini, berapa banyakkah harta benda berupa tanah atau bangunan yang telah dimiliki oleh warganegara asing di negara kita ini terutamanya kepada negeri-negeri dan tempat-tempat seperti Johor Bahru, Wilayah Persekutuan dan Langkawi.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, warganegara manakah yang paling banyak melibatkan diri dalam

hakmilik di negara kita ini dan yang kedua, yang ketiga dan yang keempat seterusnya.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan statistik, saya mohon notis—bukan komputer.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum salah satu sebab harga tanah dan rumah melambung tinggi ialah kerana kita tidak mempunyai sekatan ke atas orang-orang asing ini untuk memiliki harta benda kttta termasuk sama ada tanah, rumah atau bangunan. Jadi, dalam hal yang sedemikian, saya ingin tahu dari Kerajaan apakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi membolehkan rakyat di kawasan-kawasan yang mana tumpuan daripada orang-orang asing ini dapat bertahan dalam persaingan ini khususnya adapatmembolehkanrakyatempatan sama-sama membeli tanah, rumah ataupun harta tersebut.

Yang keduanya, adakah Kerajaan juga mempunyai apa-apa rancangan khususnya dari segi kakitangannya yang bekerja di sekitar kawasan-kawasan yang mana menjadi tumpuan orang-orang asing ini membeli tanah supaya mereka mendapat pinjaman yang lebih daripada had biasa supaya membolehkan kakitangan Kerajaan ini juga membeli rumah, tanah dan lain-lain harta?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua saya jawab dahulu. Berkenaan dengan pinjaman, saya rasa bukan di bawah Kementerian ini dan yang kedua, bagi makluman Yang Berhormat, pada tahun 1985, Kerajaan telah membuat pindaan kepada Seksyen 33A Kanun Tanah Negara mengenai pemilikan tanah oleh warganegara asing seperti warganegara syarikat asing tidak boleh memiliki dan mengurusniaga tanah penjenisan pertanian. Yang keduanya, warganegara atau syarikat asing boleh memiliki dan

mengurusniaga tanah penjenisan bangunan dengan syarat mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. Yang ketiga, warganegara atau syarikat asing dibenarkan memiliki dan mengurusniagakan tanah penjenisan industri. Tetapi pada tahun 1987, pada 1hb Januari Kerajaan telah membatalkan perkara ini dan Kerajaan memang sentiasa memikirkan tentang kepentingan warganegara sendiri dan termasuklah berkenaan dengan Kanun Tanah Negera ini sentiasa dalam pertimbangan untuk mempertingkatkan keupayaannya mengawal kepentingan negara dan rakyat. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa Kerajaan tidak pernah memperuntukkan atau membahagi-bahagikan tanah-tanah di negara kita ini supaya masuk ke dalam satu syarat ataupun tidak.

Jadi, untuk memberi satu syarat yang khas khususnya kepada satu-satu tempat melainkan yang terkanun dalam Kanun Tanah Negara, belum lagi dibuat dan Kerajaan belum lagi bercadang untuk berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin menyatakan bahawa kenaikan harga tanah boleh juga menguntungkan rakyat tempatan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat menyatakan bahawa dalam hal pemilikan hartanah ini dikawal oleh Kanun Tanah Negara dan barangkali, di peringkat Negeri, Enakmen negeri-negeri berkenaan. Soalan saya adakah Kerajaan berniat untuk meminda secara spesifik Kanun Tanah Negara bagi menyekat hakmilik asing atau mengenakan syarat-syarat tertentu bagi pemilikan asing hartanah dalam negara ini. Meminda Kanun Tanah Negara, adakah Kerajaan... .

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah fahamlah.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, huat hari ini tidak ada sekatan. Apa yang dirancangan oleh Kerajaan adalah banyak, Tuan Yang di-Pertua, dan bukan itu sahaja, banyak lagi. Jadi, tidak perlu benda yang belum berlaku kita bincangkan di sini.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Dalam Peraturan Mesyuarat, ia kata tidak boleh berbahas-bahas di dalam soalan-soalan. Ya, Yang Berhormat lebih tahu daripada saya itu.

HOSPITAL DAERAH KULIM— PEMBINAAN

8. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan Hospital Daerah Kulim yang baru akan siap; dan
- (b) bolehkah ia dapat diserahkan kepada pihak Hospital mengikut tarikh yang dijanjikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, Hospital Daerah Kulim yang baru akan siap pada November 1992. Mengikut perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan kontraktor berkenaan, hospital ini akan dapat diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pada April 1993.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Hospital Daerah Kulim ini adalah sebuah hospital yang tunggal yang akan menjaga keperluan penduduk-penduduk di kawasan Kedah Selatan, bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu apakah cadangan untuk melengkapkan Hospital Daerah Kulim ini dengan pakar-pakar serta kakitangan yang mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, benda itu berlainan. Dalam soalan ditanya bila hendak siap dan hendak serahkan bila. Perkakas-perkakas di dalam hospital itu tidak disebut di sini.

SEKATAN BAGI RAKYAT MALAYSIA MELAWAT AFRIKA SELATAN

9. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah benar Kerajaan bercadang untuk melonggarkan sekatan bagi rakyat Malaysia melawat ke Afrika Selatan. Jika ya, apakah kriteria keputusan tersebut. Jika tidak, apakah asas untuk membenarkan syarikat penerbangan MAS mengadakan penerbangan ke sana seperti yang dilaporkan oleh media massa; dan
- (b) memandangkan halangan melawat negara-negara seperti Cuba, Republik China dan Vietnam telah dilonggarkan sedangkan negara-negara tersebut masih tebal dengan fahaman komunis, apakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik kelonggaran tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya telah melonggarkan sekatan bagi rakyat Malaysia untuk melawat Afrika Selatan. Keputusan ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang bersidang di Harare, Zimbabwe pada 16 hingga 22 Oktober yang lepas yang membenarkan, dengan izin, people-to-people contact dengan Afrika Selatan. Ini termasuklah juga perhubungan udara, kebudayaan dan

pelancongan. Keputusan ini diambil berikutan dengan langkah-langkah positif yang telah dilaksanakan oleh Rejim Pretoria untuk menghapuskan sistem apartheid di Afrika Selatan.

- (b) Ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik kelonggaran untuk melawat Cuba, Republik Rakyat China dan Vietnam.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada hubungan dengan negara-negara yang disebutkan tadi telah dipulihkan, adakah Kerajaan bercadang untuk memulihkan hubungan dengan negara Israel setelah persoalan Palestine diselesaikan?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Setakat ini belum lagi sebab masalah Palestine masih belum selesai. Sesudah selesai kita akan pertimbangkan.

SUBSIDI BAJA KEPADA PETANI

10. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana sambutan penanam padi dengan subsidi baja yang bercap Dacing terutama kawasan KADA dan MADA; kalau ianya mendapat sambutan dari lambang Dacing yang membuktikan keadilan pemberian Kerajaan. Bolehkah pada kupon subsidi harga padi juga menggunakan lambang Dacing yang keadilan pemberian yang sama.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kementerian untuk menukarkan cap baja subsidi kepada cap Dacing adalah sekadar untuk membezakan antara baja yang diedarkan oleh Kerajaan Pusat dengan baja yang diedar oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu

penggunaan lambang Dacing yang dicadangkan pada kupon subsidi harga adalah tidak perlu.

Baja subsidi berlambang Dacing telah diedarkan kepada penanam padi seluruh negara mulai Januari 1991. Setakat ini reaksi yang ditunjukkan oleh penanam-penanam padi adalah positif.

Di kawasan MADA, proses pengedaran dan penerimaan bajaberlambang Dacing berjalan seperti biasa. Bagi kawasan KADA, sambutan yang ditunjukkan adalah baik, walau bagaimanapun reaksi menyeluruh belum dapat diukur memandangkan proses pembahagian baja bagi negeri Kelantan masih belum bermula.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana lambang Dacing mendapat sambutan, apakah Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk memperluaskannya, mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diadakan susu cap Dacing, sekolah cap Dacing, coli dan seluar dalam cap Dacing, udara, air hujan dan langit cap Dacing. Apakah tidak bercadang demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payah jawab soalan itu. (*Ketawa*)

BAHASA MALAYSIA DALAM MEDIA ELEKTRONIK

11. Tuan Abdul Malek bin Munip meminta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menggunakan Bahasa Malaysia dalam rancangan dan iklan yang canggi di TV.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Penerangan dari segi bahasa ialah Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama dalam media komunikasi elektronik.

Oleh itu Kementerian sentiasa berusaha pada akhirnya untuk menjadikan TV1 sebagai stesen yang akan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, manakala TV2 akan kekal sebagai stesen yang menggunakan bahasa yang bercampur-campur seperti Bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi iklan pula, ianya bertujuan untuk menyampaikan pesanan dan mesej penaja bagi mencapai kekesanan yang optima kepada pengguna oleh kerana Malaysia masih lagi mempunyai rakyat yang berbagai-bagai bahasa bagi kepentingan komunikasi iklan.

KAWASAN JELAPANG PADI

12. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan berhasrat untuk menambahkan lagi kawasan 'Jelapang Padi' di seluruh negara;
- (b) adakah kawasan jelapang padi yang ada sekarang mampu menyalurkan padi 100 peratus untuk keperluan negara;
- (c) nyatakan langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan pengeluaran hasil padi di kawasan ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dasar sekarang ialah menumpukan kepada kawasan 'Jelapang Padi' yang kini sebanyak lapan buah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengkaji keupayaan pengeluaran padi negara daripada kawasan jelapang padi selaras dengan tahap keperluan keselamatan makanan asasi negara;

- (b) Kawasan jelapang padi yang ada sekarang hanya mampu mengeluarkan purata 62% daripada keperluan negara. Sebanyak 10% daripada pengeluaran ialah daripada kawasan bukan jelapang padi dan baki keperluan beras negara dipenuhi daripada import;
- (c) Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima telah menjalankan berbagai strategi dan program meningkatkan produktiviti kawasan jelapang padi dengan mengadakan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran, penggunaan benih baru dan berhasil tinggi, menggalakkan amalan pertanian yang tinggi dan pengenalan kejenteraan yang moden.

Bagi menjamin faedah yang optima, penanaman padi secara komersial melalui pengurusan secara estet dan kelompok telah digalakkan. Kaedah pengurusan ini akan memastikan pemindahan teknologi yang berkesan, mengurangkan kerugian lepas-luai, mengurangkan kos pengeluaran melalui penggunaan kejenteraan yang sesuai dan pengurusan amalan pertanian yang efisien. Melalui usaha-usaha ini kita telah dapat meningkatkan produktiviti di kawasan jelapang padi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Perlu, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan daripada maklumat yang kita dapat bahawa mengimport beras adalah lebih murah daripada mengeluarkan padi. Kita tahu bahawa kawasan MADA adalah kawasan yang paling sesuai tanahnya untuk tanaman kelapa sawit. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan bahawa kita hendak menambah kawasan jelapang padi. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengubah kawasan jelapang padi ini ke tempat-tempat lain oleh kerana kita tahu penanaman padi ini adalah

penanaman yang tidak boleh membuat orang menjadi kaya dan penanam padi adalah orang yang akan terus miskin. Adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan kawasan jelapang padi di kawasan MADA sebagai jelapang kelapa sawit oleh kerana kawasan yang paling sesuai dalam dunia ini untuk tanaman kelapa sawit ialah kawasan MADA, bukan di kawasan FELDA.

Saya ingat jawapan Yang Berhormat ladi bercanggah dengan dasar Kerajaan iaitu kita lebih murah mengimport beras daripada kita menanam padi. Adakah Kerajaan bercadang untuk menukarkan kawasan jelapang padi sekarang kepada tanaman lain untuk membolehkan taraf pendapatan rakyat ditinggikan. Apabila taraf pendapatan tinggi, PAS dan 46 tidak boleh buat kacau sebab... .

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menggalakkan mereka yang terlibat dalam penanaman padi kalau boleh untuk menukar ke tanaman-tanaman lain yang merupakan cash crops yang boleh mendapat faedah bukan sahaja kepada petani tetapi juga kepada negara. Usaha ini dijalankan di atas kesesuaian tanah, maka dalam kawasan MADA ini kita menggalakkan letapi pcanam-penanam padi perlu menerima nasihat oleh kerana tanah ini tanah yang dipunyai oleh petani-petani. Walaupun kita nasihat, ada rakyat kita yang masih ingin meneruskan dengan kerja-kerja menanam padi, tetapi usaha ini terus dijalankan dan ini tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan. Dasar Kerajaan ialah oleh kerana padi adalah staple diet bagi rakyat kita, kita perlu mengeluarkan lebih kurang sehingga 60%, bakinya sahaja yang kita benarkan import dan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dalam soalan tambahan

iaitu satu masa dahulu ada tanaman padi darat (dry land paddy). Nampaknya sekarang walaupun kita ada mempunyai Research and Development (MARDI) seolah-olah padi darat ini ditinggalkan langsung walhal dengan adanya teknologi yang baru, jentera dan berbagai lagi seperti baja, bahan-bahan mencegah musuh pertanian, saya percaya padi darat ini boleh dimajukan. Saya ingin tahu bagaimana pandangan Kementerian Pertanian dalam hal ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah yang dianggap sebagai bukan wet land di mana telah kita cuba "dry" padi, usaha ini tidak diteruskan. Sebenarnya, pada pandangan Kementerian, tanah-tanah ini adalah lebih sesuai bagi tanaman-tanaman 'cash crops' seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan juga bunga. Kementerian adalah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengadakan pengairan bagi kawasan-kawasan ini jika kita boleh menanam jenis tanaman.

PUSAT SERENTI SERENDAH— MENEMPATKAN PESAKIT AIDS

13. Tuan G. Palanivel minta Mentri Dalam Negeri menyatakan adakah benar kes-kes yang didapati positif dengan jangkitan kuman AIDS, akan ditempatkan di Pusat Serenti Serendah. Jika ini benar, adakah Kerajaan akan mengkaji semua pendiriannya dalam perkara ini, kerana terdapat reaksi yang sensitif dari penduduk-penduduk tempatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

Tuan Yang di-Pertua, memang pada mulanya Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Selangor Darul Ehsan telah bersetuju untuk mendirikan sebuah Pusat Serenti Khas untuk menempatkan pembawa HIV di Pusat Serenti tersebut iaitu di Serendah. Tetapi oleh kerana pihak Kerajaan memang sentiasa peka dengan pendapat orang ramai, terutamanya dari mereka yang tinggal di

kawasan Serendah, perbincangan semula telah diadakan di antara saya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor dan akhirnya telah bersetuju bahasa Pusat Serenti di Serendah ini apabila beroperasi nanti hanya akan menempatkan penagih-penagih biasa.

Pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Negeri Selangor sedang memikirkan tempat yang paling sesuai untuk didirikan Pusat Serenti Khas tersebut yang mana ianya mestilah jauh daripada perkampungan dan kawasan penempatan. Buat masa ini keputusan muktamad belumlah lagi tercapai.

Tuan Lim Guan Eng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Mentri sama ada, ada Pusat-Pusat Serenti yang lain di negara kita di mana kes-kes seperti ini didapati. Dan kedua, adakah pihak Kementerian bercadang menubuhkan satu pusat khas untuk menampung kes-kes sedemikian?

Sekian, terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini oleh kerana tidak ada Pusat Serenti Khas bagi mereka ini, maka Kementerian terpaksa menempatkan mereka yang disyaki pembawa HIV ini di kawasan-kawasan tertentu, di Pusat-pusat Serenti, di seluruh negara.

Tetapi setelah Pusat Serenti Khas dapat kita adakan dan dapat kerjasama daripada pihak orang ramai untuk menerima pusat ini, maka kesemua daripada mereka ini akan ditempatkan di Pusat Serenti Khas itu.

PELABUR ASING—NILAI PELABURAN

14. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dari Industri menyatakan:

- (a) bilangan projek perindustrian dan nilai pelaburan oleh pelabur

asing yang telah diluluskan pelaburannya oleh MIDA di dalam negeri Perlis;

- (b) sama ada rancangan khusus dibuat uniuik menggalakkan dan menarik pclaburan asing untuk melabur industri di negeri Perlis; dan
- (c) apakah sektor-sektor ataupun jenis-jenis industri yang dianjurkan kepada pelabur asing untuk dibuat pelaburan di negeri Perlis khususnya dalam industri berteknologi tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sejumlah 48 projek telah diluluskan di Negeri Perlis di bawah Akta Pcnnyelarasn Perindustrian 1975 dari tahun 1980 ke September 1991 dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$512 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$214 juta merupakan cadangan modal pelaburan asing.

Dalam tahun 1990, sebanyak 2 projek telah diluluskan dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$5 juta di mana cadangan modal pelaburan asing adalah \$4 juta. Manakala dari bulan Januari 1991 sehingga September 1991, 7 projek telah diluluskan dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$95 juta, di mana cadangan modal pelaburan asing adalah sebanyak \$63 juta.

- (b) Pelbagai program telah dibuat oleh Kerajaan untuk menggalakkan dan menarik pclaburan

asing ke semua negeri-negeri termasuklah Perlis. Di antaranya:

- (i) Membantu Kerajaan Negeri berkcaaan dalam mengatur misi penggalakkan pelaburan di luar negeri serta menganjurkan seminar berkaitan pelaburan di negara-negara yang dilawati.
- (ii) Menjemput wakil Kerajaan-kerajaan Negeri berkaitan menyertai di dalam misi-missi galakan pelaburan yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke seberang laut.
- (iii) Menggalakkan lebih banyak misi pelaburan dari luar negarimelawatnegeri-negeri berkaitan dan usaha ini akan diteruskan di masa akan datang.
- (iv) Mengadakan seminar mengenai prospek dan peluang-peluang untuk pelaburan tempatan di dalam sektor perkilangan seperti yang diadakan pada 26hb Julai 1990 bertempat di Shangri-La Inn, Pulau Pinang. Seminar ini dianjurkan khusus untuk menarik pelaburan ke negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.
- (v) Kerajaan Negeri Perlis bersama-sama Kerajaan Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama Pembangunan Perindustrian Wilayah Utara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis dan Jawatankuasa ini telah mengeluarkan "North Malaysia—An Investment PortColio"

untuk diedarkan kepada bakal-bakal pelabur.

- (vi) Melalui pejabat MIDA Negeri, dialog diadakan dengan Dewan Perniagaan mengenai maklumat dan peluang-peluang pelaburan yang ada, usaha-usaha mendapatkan rakan-rakan kongsi untuk melaksanakan projek usahasama.

Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, dan habiskan.

Tuan S. S. Subramaniam: Untuk menjawab,

- (c) Pihak Kerajaan Negeri Perlis setakat ini tidak menghadkan sektor-sektor atau jenis-jenis industri yang digalakkan untuk ditubuhkan di Perlis. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa bidang industri yang boleh digalakkan di negeri ini. Di antaranya adalah seperti berikut:
- (i) Industri berasaskan perlanian.
 - (ii) Industri berasaskan sumber laut.
 - (iii) Industri berasaskan lanah liat/balu kapur.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)

BABI HUTAN

15. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alar Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membasmi babi hutan yang

menimbulkan masalah kepada pekebun-pekebun kecil untuk mengerjakan ladang mereka. Babi hutan yang mudah sangat membiak melemahkan semangat peladang untuk meneroka tanah dan dengan demikian menyebabkan banyak lagi tanah terbiar.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun babi hutan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972, Akta 76, tetapi lesen untuk memburunya dikeluarkan sepanjang tahun. Di Negeri Perak sahaja, sehingga akhir bulan September, 1991, sebanyak 988 lesen memburu babi hutan telah dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN. Lesen ini dikeluarkan sepanjang tahun dan tiada had mengambil (bag limit) dikenakan. Dalam keadaan di mana terdapat gangguan babi hutan yang memusnahkan kawasan tanaman beberapa tindakan boleh diambil untuk mengatasinya:

- (i) pihak pemilik tanah ' boleh menghubungi Jabatan PERHILITAN Negeri atau daerah yang berhampiran untuk membolehkan kakitangan Jabatan mengambil tindakan menembak babi hutan yang mengganggu; dan
- (ii) di bawah seksyen 55, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta 76, pemilik atau penduduk atau pekerja-pekerja ladang tersebut boleh membunuh babi hutan yang memusnahkan tanamannya dan kemudiannya melaporkan kepada Jabatan PERHILITAN.

Dalam tugas-tugas harian, pihak kakitangan Jabatan PERHILITAN sentiasa mengambil tindakan terhadap aduan-aduan hidupan liar yang mengganggu atau memusnahkan tanaman ataupun hartabenda. Tindakan-tindakan yang telah diambil bukan sahaja terhadap babi hutan, tetapi juga hidupan liar lain seperti gajah, kera, berok dan

sebagainya. Walaupun demikian, kerjasama orang ramai untuk membuat aduan sangat lah diperlukan agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN NEGARA BALTIC

16. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meluluskan hubungan Diplomatic dengan negara-negara Baltic, Estonia, Latvia dan Lithuania, kerana negara yang merdeka ini akan menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu dan bilakah Malaysia akan memberi pengiktirafan rasmi.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah mengiktiraf kemerdekaan ketiga-tiga republik Baltic tersebut dan mengeluarkan suatu kenyataan akhbar pada 1 hb September, 1991 dan menghantar peruntusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Presiden-presiden Republik-republik tersebut.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE LATIN AMERIKA DAN EEC

17. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil yang paling berkesan dari lawatan ke negara-negara Latin Amerika (Amerika Selatan) pada tahun ini; dan
- (b) ekoran dari itu, tidakkah Perdana Menteri bercadang untuk mengadakan lawatan menyeluruh ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) menjelang wujudnya Pasaran Tunggal Eropah di dalam usaha mengukuhkan hubungan dagangan antara Malaysia dan Kesatuan Ekonomi Eropah.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Ch Wan:

- (a) Usaha-usaha kita untuk meningkatkan lagi hubungan dengan negara-negara di Amerika Selatan tidaklah bermakna yang kita sekarang mengeneppikan hubungan kita dengan negara-negara EEC yang masih penting bagi hubungan perdagangan dan politik kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun beberapa kali melawat negara-negara EEC pada tahun-tahun yang lepas.
- (b) Memandangkan negara-negara ini penting bagi eksport barangan kita yang setakat ini berjumlah \$23.4 bilion, usaha-usaha akan terus dibuat melalui misi-misi pelaburan untuk menambahkan eksport kita ke negara-negara ini. Setakat ini belum ada lagi cadangan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melawat ke negara-negara EEC secara menyeluruh.

KADAR INFLASI

18. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan dalam Sidang Dewan Rakyat 23 Julai 1991 lalu, Timbalan Menteri menyalakan kadar inflasi lima bulan terawal tahun 1991, tidak lebih daripada 4%. Sama ada Bank Negara menaikkan kadar BLR serta merta, dan pengumuman pengeluaran kad kredit tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) berjaya menghalang pertumbuhan indasi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kadar inflasi untuk sembilan bulan pertamatahan 1991 adalah sebanyak 4.4%. Walaupun kadar inflasi meningkat sedikit ia adalah terkawal dan jika dibandingkan dengan negara-negara lain, kadar ini adalah rendah.

Umpamanya kadar inflasi di Indonesia tahun ini dijangka 9.0%, Filipina—16% dan Singapura—4%, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk membendung inflasi. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (a) menyederhanakan pertumbuhan bekalan wang. Kadar pertumbuhan tahunan bekalan wang adalah seperti berikut:
 - 1989—20.6%
 - 1990—18.2%
 - 1991—15.3%
- (b) menyerapkan lebih wang lunai (excess liquidity) dalam sistem pasaran wang dengan menaikkan nisbah ri/ab berkanun (statutory reserve ratio) bank-bank perdagangan dari 6.5% kepada 7.5%.
- (c) mengetatkan syarat-syarat pinjaman sewabeli-yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk pembelian kenderaan bermotor.
- (d) mengawal harga barang-barang pengguna.
- (e) menggalakkan pengeluaran tempatan supaya permintaan dapat dipenuhi.

Berikutan langkah-langkah ini, inflasi di negara kita dijangka dapat dibendung pada kadar 4.5%.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak bulan Februari, 1991 BLR atau kadar pinjaman asas ditentukan oleh pasaran kawangan dan Bank Negara Malaysia tidak lagi mengawalnya. Pada masa ini, BLR adalah dalam lingkungan 8.5%. Pada pandangan Kementerian Kewangan peningkatan BLR tidak ada kaitan dengan pertumbuhan inflasi. Sebaliknya ia telah menyebabkan pertambahan dalam permintaan dan pada masa yang sama tabungan dijangka bertambah. Mengenai kad kredit seperti yang saya

telah maklumkan di Dewan ini, ianya tidak menyumbang kepada inflasi kerana pinjaman kad kredit hanya merupakan 6% daripada kredit pengguna.

ASEAN—KERJASAMA EKONOMI

19. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang negara-negara ASEAN dalam:

- (a) Kerjasama Ekonomi ASEAN;
- (b) Trade Protectionism; dan
- (c) KerjasamaekonomiAsiaPacific.

Tuan S.S. Subramaniam:

- (a) Rancangan jangka panjang bagi meningkatkan kerja sama ekonomi ASEAN telah diputuskan oleh Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang Ke 23 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 7hb—8hb Oktober, 1991 yang baru lalu. Rancangan jangka panjang tersebut ialah untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area) di dalam masa 15 tahun. Di bawah konsep perdagangan bebas ASEAN ini, kesemua halangan perdagangan sama ada dalam bentuk tarif ataupun bukan tarif di antara negara-negara anggota ASEAN akan dihapuskan. Ini adalah merupakan satu pendekatan yang lebih berkesan di dalam usaha untuk meningkatkan perdagangan di antara negara-negara anggota berbanding dengan program-program yang sedia ada seperti Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (Preferential Trading Arrangement).

Bagi melaksanakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Yang Ke 23 telah juga bersetuju untuk menggunakan skim dengan izin, Common Effective Preferential Tariff (CEPT), sebagai mekanisme untuk mengurangkan tarif bagi barang-barang perindustrian di peringkat awal.

Ini adalah merupakan rancangan jangka pendek yang telah diputuskan oleh negara-negara ASEAN bagi merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dalam tempoh masa yang dinyatakan tersebut. Skim ini akan dilaksanakan berasaskan pendekatan sektoral di mana barang-barang perindustrian yang dipersetujui bersama akan dimasukkan ke dalam skim CEPT ini. Barang-barang perindustrian yang telah dipersetujui untuk dimasukkan di dalam skim ini akan dikurangkan tarifnya daripada paras yang ada sekarang kepada satu paras tarif di antara 0%-5%. Kini semua negara-negara anggota ASEAN adalah dalam proses mengenalpasti dan menyediakan senarai barang-barang yang akan terlibat di bawah skim ini. Senarai berkenaan akan dikemukakan untuk keputusan Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Singapura daripada 27-28 Januari, 1992.

- (b) ASEAN mengambil berat terhadap gejala perlindungan perdagangan, dengan izin, trade protectionism, yang mana akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan arah aliran perdagangan antarabangsa. Sekiranya gejala ini tidak dibendung, pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN yang bergantung kepada pasaran

eksport akan terjejas. Antara langkah-langkah yang diambil oleh ASEAN untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan amalan perlindungan perdagangan adalah melalui tindakan bersama dalam perundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay. Pendekatan bersama ini juga diamalkan dalam menghadapi masalah perdagangan dua hala serta isu-isu spesifik seperti masalah dagangan minyak kelapa sawit dan kayu tropika.

Di samping itu, ASEAN adalah berperihatin terhadap perkembangan terbaru di negara-negara maju yang cenderung kepada amalan perlindungan perdagangan seperti kerjasama antara Kanada, Amerika Syarikat dan Mexico yang dikenali sebagai 'North America Free Trade Agreement (NAFTA) dan juga Pasaran Tunggal Eropah (Single European market). Selaras dengan perkembangan ini, ASEAN telah menerima cadangan Malaysia mengenai penubuhan Kumpulan ekonomi Asia Timur (EAEG) yang kini dikenali dengan Perundingan Ekonomi Asia Timur (East Asia Economic Caucus—EAEC). Tujuan sebenar kumpulan ini adalah sebagai satu forum yang bebas di mana negara-negara Asia Timur dapat berbincang mengenai isu-isu kepentingan bersama di bidang ekonomi dan perdagangan dan seterusnya akan bertindak sebagai satu mekanisme bagi membendung amalan perlindungan perdagangan.

- (c) ASEAN juga telah bersetuju untuk menggunakan proses kerjasama ekonomi Asia-Pasifik (APEC) untuk memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi di Rantau Asia Pasifik bagi jangka

pendek dan jangka panjang. ASEAN juga telah menekankan pentingnya bagi ASEAN menjadi kumpulan utama, dengan izin, core group, dalam APEC. APEC telah mengenalpasti sebanyak 10 projek kerja untuk dilaksanakan dalam jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

- (a) Review of Trade and Investment Data;
- (b) Trade Promotion—Programs and Mechanism for Cooperation;
- (c) Expansion of Investment and Technology Transfer in the Asia-Pacific Region;
- (d) Asia-Pacific Multilateral Human Resources Development Initiative;
- (e) Regional Energy Cooperation;
- (f) Marine Resource Conservation—Problems of Marine Pollution in the APEC Region;
- (g) Telecommunications;
- (h) Fisheries;
- (i) Transportation; dan
- (j) Tourism.

SEKATAN EKONOMI TERHADAP IRAQ

20. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub minta Menteri Luar Negeri menyalakan apakah pendirian Kerajaan mengenai sekatan ekonomi terhadap Iraq yang menyebabkan ribuan nyawa kanak-kanak terancam akibat kebuluran.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Keputusan Malaysia menyokong Resolusi 661 (1990) di Majlis Keselamatan pada 6hb Ogos, 1990 lalu, yang meluluskan sekatan ekonomi terhadap Iraq bukanlah bertujuan untuk mendera Iraq serta rakyatnya, tetapi semata-mata

untuk memberi tekanan supaya Iraq meninggalkan bumi Kuwait dan mengembalikan pemerintahan Kuwait kepada Kerajaan sahnya. Sokongan Malaysia itu juga bertujuan untuk mengelak kemungkinan campurtangan ketenteraan oleh kuasa-kuasa luar di rantau tersebut sekiranya keadaan menjadi bertambah buruk. Adalah menjadi harapan Malaysia juga pada ketika itu agar sekatan menyeluruh ini tidak perlu diteruskan setelah Iraq keluar dari Kuwait.

Memandangkan bahawa Iraq kini telah berjaya diusir daripada Kuwait, Malaysia menentang sebarang tindakan untuk meneruskan sekatan ekonomi terhadap Iraq yang semata-mata akan mengakibatkan kesengsaraan kepada rakyat Iraq.

KERJASAMA SEGITIGA EMAS

21. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah cadangan mewujudkan kawasan Segitiga Emas (Golden Triangle) merangkumi Utara Malaysia, Selatan Thailand dan Utara Sumatera telah dipersetujui oleh negara yang terlibat;
- (b) apakah bentuk kerjasama ekonomi yang telah dikenalpasti;
- (c) adakah agensi khas atau Jawatankuasa Penyelaras akan mula dilaksanakan;
- (d) bilakah dijangka Rancangan Segitiga Emas tersebut akan mula dilaksanakan.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Kerajaan Malaysia belum lagi mengemukakan cadangan rasmi kepada Negara Thailand dan

Indonesia bagi mewujudkan kerjasama Segitiga yang merangkumi Utara Semenanjung Malaysia. Selatan Thailand dan Utara Sumatera. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang melaksanakan kajian bagi mengenalpasti potensi-potensi pembangunan ini yang merangkumi Wilayah-wilayah tersebut. Kajian ini dilaksanakan sejak bulan Mei 1991 dan dijangka siap pada penghujung bulan Disember ini. Oleh kerana kajian ini masih belum lagi selesai, maka bentuk kerjasama ekonomi yang khusus belum lagi dapat dipastikan. Sebaik sahaja kajian ini selesai dan bidang yang boleh dimajukan untuk kerjasama antara ketiga negara dikenalpasti, strategi dan program bagi memajukan bidang-bidang ini akan dirangka dan akan dirundingkan dengan Kerajaan-kerajaan berkenaan untuk memajukannya. Institusi pelaksana dan tempoh pelaksanaan cadangan segitiga ini akan ditetapkan kelak selepas mengambil kira pandangan dan peluang yang akan dikenalpasti.

MENGAMBIL TANAH-TANAH SEKOLAH DI KUALA LUMPUR

22. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil tanah Sekolah Perempuan Bukit Bintang, Sekolah Lelaki Bukit Bintang, Institut Yictoria, Sekolah Lelaki Methodisi, Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Puteri di Kuala Lumpur untuk tujuan 'pembangunan' dan menyatakan apakah tawaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat untuk mengambil tanah setiap sekolah tersebut.

Perdana Menteri: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengambil tanah-tanah yang berkenaan untuk tujuan pembangunan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah B Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang ber-setentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu."(13hb November 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Setar.

337 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya

juga bangun di sini untuk membahaskan perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang tampan, yang saya percaya akan menghasilkan ekonomi kita yang mampan.

Di sini saya dapati dalam Dewan ini Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang telah memberi kepujian kepada Menteri Kewangan kita yang telah membentang perbelanjaan yang begitu rupa, baik pun dalam Dewan ini mahupun di luar kita telah mendengar pujian.

Di samping au, kila banyak juga mendengar kata-kata atau kritik-kritik dari segolongan "kembiri" politik yang dipanggil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan....

Tuan Yang di-Pertua: Apa makna "kembiri" itu?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: "Kembiri", mengikut penjelasan Menteri Kewangan adalah dimaksudkan kepada orang-orang yang telah "dipotong" untuk menjaga keselamatan isteri raja-raja di Negeri China. Tetapi saya rasa perkataan ini kurang sesuai kepada golongan ini. Saya rasa kalau perkajaan "Bohafit" lebih sesuai. Sebab golongan inilah selalu "bohong", "hasut" dan "fiinah"—Bohafit! Golongan "bohafit",

Begitu juga dengan Perdana Menteri kita. Saya baru balik dari United Nations sebagai seorang delegate ke Bangsa-bangsa Bersatu. Seluruh dunia memuji Perdana Menteri kita. Tetapi di sini tiap-tiap hari dalam Dewan ini saya mendengarkeji sahaja. Serba-serbi tidak kena.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat kata baru balik dari United Nations. Berapa lama Yang Berhormat duduk di sana?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak payahlah, saya takut saya pelat American pula! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kila tengok dalam perbelanjaan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan, lebih kurang \$19.6 jula untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Saya rasa Yang Berhormat dari Sungai Besi yang mengatakan semalam dalam Dewan ini, yang menghasut dan berbohong di dalam Dewan ini mengatakan bermacam-macam kepada UMNO tetapi apabila diminta penjelasan, beliau tidak memberi. Sebab "bapa" dia karang di rumah, dia datang membaca di sini. Orang yang mendengar akan memikirkan perkara ini betul. Ini adalah tidak adil kepada Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO.

Saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri gunakan undang-undang ISA. ISA itu undang-undang, dan ini bukan cara parti Barisan Nasional memerintah. ISA itu adalah undang-undang dan gunakanlah. Tengok sedikit tentang ahli-ahli Pembangkang yang sentiasa menghasut dan membohong ini.

Saya tengok di sini ada lagi satu golongan "bohafit" politik. Ini kenyataan akhbar, saya tidak lihat dalam akhbar, tetapi kertas ini disebarkan luas di seluruh negara. Perkara ini tidak ada pun Semangat 46 dalam kenyataan akhbar menuduh Barisan Nasional....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmud: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tunggu sebentar, saya belum habis ayat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: ...menuduh Kerajaan Barisan Nasional, maki hamun Raja-raja, tetapi kita tidak pernah buat begitu. Kita menegur dengan cara baik. Ini adalah tuduhan palsu dan ini bukan kenyataan akhbar—ini dibuat oleh Semangat 46. Ini salah satu dari golongan ini, termasuklah juga....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tunggu sekejap, Tuan Yang di-Pertua, saya takut saya tidak ada masa yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduklah. Dia kata nanti sat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sekejap lagi saya beri. Insya Allah, saya akan beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat, sila duduk!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Biar saya habiskan ayat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat, sila duduk Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Duduklah sekejap. Hendak kertas ini?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmud: Minta tolong baca, boleh?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman; Hendak kertas ini? Tidak apa. Saya bukan ada teks, saya tulis points sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mewujudkan masyarakat penyayang, kita perlukan bukan sahaja untuk melindungi kanak-kanak, orang tua-tua atau remaja, kita juga hendak ada keharmonian di antara kaum. Kalau

dengan DAP ini kita hendak 'gua sayang lu, lu sayang gua'. Tetapi sekarang ini, kalau begini punya sikap DAP saya rasa "gua benci lulah". (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru—memang sesuai dengan perkataan "bayan", sebab mengikut cerita orang tua-tua burung bayan adalah sejenis burung yang pandai berkata-kata. Burung bayan dan Bayan Budiman—ini Bayan Baru. Burung bayan sekarang ini, di zaman sains dan teknologi ini, orang panggil burung tiong. Ini burung tiong DAP. Serba-serbi tidak betul, semua salah. Buat salah dan tidak buat salah. Baru-baru ini dalam Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan beliau berkata Yang Berhormat Menteri tidak memberi penekanan untuk meningkatkan taraf orang-orang miskin dengan lebih mantap. Dia tahukah perkataan "mantap" ini apa? Mantap means perfect. Dalam menghapuskan kemiskinan, kita tidak boleh ada cara yang perfect. Kalau ada, barangkali negara-negara yang lebih moden seperti di Amerika, di England, dan di Eropah tidak ada lagi kemiskinan.

Kemiskinan mana boleh hapus dengan cara yang mantap. Kalau ada 1000 orang miskin, kita jadikan mereka kaya, ada yang lain pula yang jadi miskin. Jadi, kalau hendakkan macam niat Yang Berhormat dari Bayan Baru, saya ingat Yang Berhormat Memeri Kewangan kila perlukan lampu ajaib, Gosok sahaja, habis semua orang miskin. Tetapi ingat! kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan itu ada lampu ajaib, saya rasa Yang Berhormat Bayan Baru itu akan dikecilkan, disimpan di dalam botol dan dihanyutkan di laut Pulau Pinang. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ada \$128 juta yang telah diperuntukkan untuk fakir miskin. Apakah ini tidak mencukupi?

Saya lihat di kampung saya, orang-orang miskin pun kita beri rumah dan

kita pula ada projek amanah. Ikhtiar untuk memberi peluang kepada orang-orang miskin ini memperbaiki keadaan hidup mereka.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidaklah mempunyai lampu ajaib. Begitu juga dengan Perdana Menteri. Beliau tidak mempunyai magic mirror (cermin ajaib). Sebab saya lihat serba-serbi yang Perdana Menteri buat semuanya salah kepada golongan-golongan kembiri ini. Bank hilang duit, Perdana Menteri salah. Teksi tersalah beri, Perdana Menteri salah. Menteri pakai kot mahal, Perdana Menteri salah. Pengarah buat keputusan salah, Perdana Menteri salah. Pengerusi pecat Ketua Pengarah, tukar Ketua Pengarah baru, Perdana Menteri salah. Apa ini? Perdana Menteri bukan ada cermin ajaib. Kalau beliau ada cermin ajaib, beliau bolehlah lihat Ketua Pengarah alau Menteri-menteri yang dilantik berkhidmat dengan baik atau tidak.

Kalau kita ada cermin ajaib, kita pun boleh lihat DAP buat apa tiap-tiap hari. Dia menghasut orang tiap-tiap hari pun kita boleh lihat, tetapi kita tidak ada itu, kita hidup dalam zaman sains dan teknologi, Kita bukan hidup di zaman khayalan. Zaman sekarang ini kalau khayal hendak jadi Perdana Menteri, tidak boleh, Anak Raja sekalipun, kalau khayal hendak jadi Perdana Menteri, tidak boleh. Inikan kita di dalam dunia kenyataan.

Jadi, kalau Ahli dari Nilam Puri yang berada di dalam dunia khayalan, kalau teringin hendak ubah fikiran, cepat-cepat ubah fikiran. Cepat-cepat sedikit, kalau dahulu masuk PAS sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan suruh, sekarang cepat-cepatlah patah balik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, mencadangkan supaya kita tutup kilang rokok, tetapi beliau tidak berani pergi isytihar di Bachok suruh buang semua

tanaman tembakau. Dia tidak berani, sebab dia tahu kalau dia cakap macam itu, teniklah dia. Jadi, dia suruh tutup kilang rokok. Saya mengucapkan tahniah kerana Menteri Kewangan telah menaikkan duti rokok daripada 54% kepada 56%, cigarillos daripada 55% sampai 65%, tetapi tni tidak mencukupi. Orang lidak akan berhenti merokok jika sekiranya rokok mahal, dia tidak berhenti.

Saya pun hisap rokok juga. Pergi ke Amerika, rokok naik sampai sebungkus \$9.00, pun tidak berhenti merokok juga. Tetapi saya hendak mencadangkan supaya memperbanyakkan tempat-tempat larangan merokok. Baru-baru ini apabila saya berhenti di Lapangan-terbang Narita—tidak boleh merokok di merata-rata, di Lapanganterbang New York pun tidak boleh merokok, di Toronto pun tidak boleh merokok. Ini saya setuju dengan Yang Berhormat Labuan, di Parlimen ini kita jadikan tempat larangan merokok. Kalau hendak pun, adakan di sudut-sudut, berdekatan dengan toilet. Biar tempat yang boleh merokok itu jadi "uncomfortable place", dengan izin.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di mana telah mengadakan tempat-tempat larangan merokok di hospital-hospital. Ini saya minta Menteri Pendidikan mengikuti dengan melarang atau mengharamkan ataupun mengadakan tempat-tempat larangan merokok di semua sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Begitu juga dengan Kementerian-kementerian lain, saya harap dapat mengikuti jejak Kementerian Kesihatan. Seperti Kementerian Belia dan Sukan supaya di kompleks-komplek sukan dilarang merokok. Begitu juga dengan Kementerian Kebajikan, di rumah orang-orang tua atau rumah kebajikan di-jadikan tempat larangan merokok.

Jadi, tempat-tempat ini patut kita haramkan. Pendek kata semua Kementerian hendaklah mengambil

tindakan. Sebab bila banyak tempat larangan merokok, rokok pula mahal, kena jauhkan diri pula bila hendak merokok, dipandang hina pula bila merokok, baru orang berhenti merokok. Apabila kurang orang merokok, kilang rokok pun boleh ditutup dan orang yang tanam tembakau di Kelantan dan di Kedah pun akan menukarkan kepada lanaman yang lain jika tembakau mereka sudah tidak dikehendaki oleh kilang-kilang yang telah ditutup.

Ini hendak cadangkan suruh kita tutup kilang rokok. Dia tidak tahukah bahawa anak-anak kita ada berapa ribu orang yang bekerja di kilang-kilang rokok. Berapa ribu orang yang tanam tembakau di negeri Kelantan.

Begitulah juga dengan judi, kita tidak boleh hendak tutup begitu sahaja. Kita tutup secara beransur-ansur. Kita beri penerangan. Tok-tok guru yang ada beri penerangan dan pengajaran bahawa judi itu tidak baik. Jadi, dengan sendirinya bila kurang orang berjudi, kedai-kedai judi itu akan tutup.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga hendak memberi peringatan di sini kepada Kementerian Penerangan. Sungguhpun kita patut memberi kepujian kepada Menteri Penerangan yang telah banyak membuat jasa, dan sungguhpun dikritik oleh parti-parti Pembangkang, mengalakan kita menggunakannya untuk kepentingan parti, tetapi saya percaya bahawa Kementerian Penerangan telah menjalankan kerja-kerjanya dengan baik. Saya cuma ada dua tiga perkara yang saya harap Menteri Penerangan dapat mengambil perhatian iaitu tentang Berita Perdana.

Berita Perdana ini disiarkan pada jam 8.00 malam. Bagi orang-orang Islam, pada jam 7.00 malam, mereka itu sama ada mula hendak sembahyang, kalau di kampung-kampung seperti di tempat saya, orang sudah mula berjalan hendak pergi ke surau atau masjid. Selepas sembahyang maghrib, mereka akan

tunggu sembahyang isyak, pukul 9.00 baru mereka pulang, ini pun kalau tak sembang kisah politik. Oleh itu, kalau Berita jam 8.00 itu jarangsangat sampai kepada golongan ini.

Saya telah mengkaji di kawasan saya, orang-orang kampung jarang dengar Berita jam 8.00. Saya mintalah kepada Menteri Penerangan kita supaya mengubah sedikit waktu Berita Perdana ini kepada jam 9.00 supaya dapat masyarakat kita mendengar, terutama sekali masyarakat Islam dapat menikmati berita yang begitu baik dan indah itu.

Perkara yang kedua, berhubung dengan Kementerian Penerangan. Bila tiba waktu azan, RTM menyiarkan azan dan menunjukkan orang berduyunduyun pergi ke masjid. Kebanyakannya pakai kain, pakai kupiah lebai, pakai baju kurung. Tetapi kita yang hendak menuju ke Wawasan 2020 ini, saya cadangkan supaya diubah sedikit, tunjukkan manusia-manusia yang berjaya jugapergikemasjid. Kita jangan tunjuk orang berjalan pakai bajukurung, orang kampung sahaja pergi ke masjid. Kita tunjukkan orang-orang yang berjaya, semasa waktu azan itu orang-orang yang berjaya seperti anak-anak muda yang memakai BMW, pakai Mercedes, buka lai, berhenti ambil air sembahyang, masuk sembahyang. Ini duk tunjuk orang yang jalan kaki. Lihat Rolhmans, Dunhill dan lain-lain advertisement mereka menggunakan cara-cara yang menarik, yang akan dapat menarik supaya dalam Wawasan 2020 kita hendak masyarakat kita bukan sahaja maju, tetapi ingat kepada Tuhan. Menjadi orang yang maju dan berjaya di dalam hidup tetapi dia tak lupa kepada Tuhan. Ini kita hendak bentuk masyarakat kita, kita tidak mahu masyarakat kita maju sahaja tetapi lupa kepada Tuhan.

Kita tengok masyarakat di Eropah, terlampau maju, tutup berapa banyak gereja. Ini saya rasa, Yang Berhormat

Menteri Penerangan akan membaiki perkara ini supaya kita dapat mengubah masyarakat kita, menunjukkan kepada masyarakat kita bahawa kita hendak matlamat Wawasan 2020 terutama anak-anak kita maju tetapi dengan cara kita, bukan maju dengan cara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini saya juga hendak menyentuh dan menyokong ucapan Yang Berhormat dari Batang Lupar semalam berhubung dengan ekologi, simpanan hutan untuk menjaga suasana alam sekitar. Saya rasa dukacita, apabila di depan Bangsa-bangsa Bersatu ada orang-orang Penan, tetapi sebenarnya bukan orang Penan. Komplot-komplot, golongan-golongan kembiri inilah. . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu di dalam Bangsa-bangsa Bersatu, dia ambil bahagian mengenai apa, orang Penankah, pokokkah, environmentkah?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Di sana mereka ini memakai atau menunjukkan kepada dunia, saya tahu mereka ini dihasut. Sebenarnya bukan orang Penan, orang Penan lak pergi pun. Sebab saya ada sahabat saya yang memang kenal orang Penan. Orang Penan bukan ramai, berapa ratus orang sahaja. Jadi, mereka ini menunjukkan bahawa kita telah menebang pokok-pokok sampai orang Penan nak duduk pun lak boleh—punya bohong!

Tuan Yang di-Pertua, kita seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita ada hutan yang luas, kita tebang sedikit untuk pembangunan negara kita. Tetapi di Barat itu sudah tidak ada hutan lagi, mereka sudah tebang hutan mereka, lepas itu bila sampai giliran kita, kita hendak menebang hutan kita, mereka marah. Keluarlah saintis-sainlis Barat yang mengatakan, "equatorial forest is the best forest", di mana dapat menyedut

udara-udara carbon dioxide dengan baik, dapat mengeluarkan oksigen dengan banyak. Saintis Barat mengatakan demikian. Kalau begitu, kita mempunyai harta, kita sewakan sahaja hutan-hutan kita kepada dunia. Kita minta Perdana Menteri kita menubuhkan suatu pakatan baru, pakatan Negara-negara "equatorial forest". Pakat semua pihak ini, kita sewakan kepada dunia lain. Perdana Menteri pun biasa mengatakan bahawa kalau hendak tolong jaga, tolonglah hantar bantuan. Jangan kritik sahaja, kita pun hendak membangunkan negara. Hendak biarkan kita duduk dalam hutan? Ini saya minta Menteri yang berkenaan mengambil tindakan.

Saya tadi telah membangkitkan bahawa ramai yang menyokong supaya orang-orang kita yang telah membusukkan nama Malaysia kita di negara luar itu, kita tak boleh ambil tindakan, kerana kononnya mereka ini suatu kumpulan untuk memperbaiki keadaan, sedangkan negara kita, saya percaya tidaklah seburuk itu. Kita tidak seburuk itu. Kita pun memikirkan tentang keadaan negara kita....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar); (Bangun)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bolehlah, dia pun kawan saya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit, minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Mohon maaf kerana masa pendek. Tadi, Yang Berhormat bercakap mengenai ISA dan memandangkan tindakan oleh para environmentalist, orang yang suka dengan alam sekitar ini telah menjejaskan perdagangan antarabangsa. Perdagangan antarabangsa adalah sangat penting kepada negara Malaysia tak ubah seperti kepentingan military juga. Bolehkah atau tidak kita menggunakan kuasa yang sama di bawah ISA ini untuk membanteraskan orang-orang yang menindas Malaysia menerusi kempen perdagangan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tanya dia buat apa tentang itu, dia bukan Menteri. (*Ketawa*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menegaskan sekali lagi bahawa ISA ini bukanlah cara menindas, ia adalah undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tengok-tengoklah di mana yang sesuai supaya perkara-perkara ini tidak akan menjejaskan, terutama sekali dari segi perdagangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi meminta Menteri yang berkenaan supaya menggunakan undang-undang ISA ini supaya parti Pembangkang ataupun golongan-golongan kembiri ini tidak mengada-ngada sangat. Kalau hendak mewujudkan masyarakat yang aman, makmur dan penyayang, tolong ambil sesuatu tindakan kepada golongan-golongan ini sebelum ler-lewat.

Di samping itu, saya juga meminta semua yang terbabit dengan Belanjawan ini, sama ada Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Setiausaha dan pegawai-pegawainya, State Secretary dan DO-DONya, sampai ke bawah, sampai ke office boy, hendaklah melaksanakan perkara ini dengan baik supaya cita-cita kita dalam Wawasan 2020 ini dapat kita sampai ke tahap di mana cita-cita Perdana Menteri untuk menjadikan negara ini suatu negara yang maju.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

3.58 ptg.

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut membahaskan cadangan Belanjawan negara bagi tahun 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat

Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat, tanggal 1 hb November, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1992 ini memang baik. Tetapi seperti mana yang saya teliti mempunyai objektif macam "Angan-angan Mat Jenin". Mat Jenin ini, kalau dia mahu naik rumah, belum sampai tangga pun dia sudah fikir dia berada di dalam rumah. Saya maksudkan di sini, kita mempunyai Rancangan Malaysia Keenam, kita mempunyai OPP2, sekarang kita sudah melompat kepada Wawasan 2020.

Kita tumpukan perhatian kita kepada masa 30 tahun dari sekarang sedangkan Rancangan Malaysia Keenam ini baru bermula. Rancangan Malaysia yang lalu banyak kegagalan. Jadi, mengapa tidak kita tumpukan perhatian kepada perkara yang dekat dengan kita dan kenapa kita beri perhatian kepada perkara yang 30 tahun dari sekarang.

Namun demikian, saya ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah menyediakan satu anggaran Belanjawan yang begitu banyak bagi tahun depan iaitu peruntukan bagi pengurusan dan pembangunan lebih kurang \$45 bilion. Dan bagi hasil yang akan dikutipkan bagi tahun 1992 lebih kurang \$35.5 bilion. ini bermakna Belanjawan 1992 adalah Belanjawan deficit, lebih kurang \$7.2 bilion.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada 22hb September, 1991 di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berada di Kota Kinabalu dan telah mengadakan perjumpaan dengan kakitangan-kakitangan jabatan dan badan-badan berkanun Kerajaan Persekutuan, di mana beliau telah mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa negara kita sekarang mengalami hutang yang banyak, hutang ini sebahagian besar telah

terkumpul waktu Presiden Semangat 46, Yang Berhormat Tengku Razaleighi Hamzah sebagai Menteri Kewangan."

Beliau tambah lagi:

"Lebih baik lagi saya memberi peruntukan yang kurang dan biar tidak popular sebagai Menteri Kewangan daripada saya biarkan negara berhutang banyak, membuat generasi akan datang dibebani dengan hutang yang berlebihan."

Pada pendapat saya kenyataan beliau ini adalah bertentangan sama sekali dengan anggaran Belanjawan yang disediakan bagi tahun depan kerana satu Belanjawan deficit dan deficitnya akan dibiayai dengan wang pinjaman dalam negeri, sama ada pinjaman itu dari dalam atau luar negeri adalah satu komitmen kewangan yang harus dan akan dibayar oleh rakyat negara ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa pada tanggal 30hb Disember 1990, jumlah hutang negara dalam negeri terkumpul ialah lebih kurang \$70 bilion. Dan hutang luar negeri ialah lebih kurang \$24.8 bilion. Ini terpaksa ditanggung oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, trend peruntukan mengurus mulai tahun 1988 hingga tahun 1990 telah mengalami perkembangan yang saya katakan menunjukkan kawalan perbelanjaan kurang memuaskan. Misalnya pada tahun 1988 perbelanjaan sebenar ialah \$21.7 bilion iaitu melebihi lebih kurang 1.7% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1989 peruntukan diluluskan ialah \$22.5 bilion, manakala perbelanjaan sebenarnya ialah \$24.8 bilion iaitu lebih kurang melebihi 10.2%. Dan pada tahun 1990 peruntukan diluluskan ialah \$24.2 bilion manakala perbelanjaan sebenar ialah \$27.1 bilion ini melebihi 12.8%. Tetapi tahun-tahun sebelum itu misalnya tahun 1986 peruntukan yang diluluskan ialah \$22.1

bilion manakala perbelanjaan sebenar hanya \$20.1 bilion iaitu 10% kurang. Dalam tahun 1987 peruntukan yang diluluskan ialah \$20.9 bilion dan perbelanjaan yang sebenarnya ialah \$20.2 bilion iaitu 3.8% lebih rendah.

Ini jelas bahawa mulai tahun 1988, perbelanjaan pengurusan telah melebihi daripada peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan. Ini adalah satu keadaan di mana kawalan perbelanjaan tidak ketat, wataupun Kerajaan setiap kali mengemukakan Belanjawan Negara mengatakan kita mahu perbelanjaan berjimat cermat. Tetapi apa akibatnya?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini dijangka inflasi akan meningkat ketaraf 4.5% dan mungkin hujung tahun depan, tahun 1992 akan meningkat kepada kadar 5%. Ini adalah satu keadaan yang tidak baik. Di samping itu akaun semasa dalam pembayaran imbang negara sudah semakin menjadi buruk. Jika kedua-dua faktor ini, inflasi dan akaun semasa dalam imbang pembayaran tidak dibendung, ini akan menjejaskan perlumbuan ekonomi negara dan sekali gus mungkin akan menjejaskan keupayaan rakyat negara ini untuk membeli-belah ataupun, dengan izin, purchasing powernya akan lerjejas.

Bagitahun 1992 anggaran peruntukan pengurusan akan bertambah iaitu lebih kurang \$4.7 bilion berbanding dengan peruntukan bagi tahun ini. Dan manakala peruntukan bagi pembangunan pula, peruntukannya ada sedikit turun iaitu \$11.5 bilion, berbanding dengan peruntukan \$13.1 bilion bagi tahun 1991.

Ini adalah satu keadaan yang tidak begitu baik, kalau kita kaji daripada segi komersialnya, apa yang menghairankan Kerajaan katakan, penswastaaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam sedang dijalankan dengan jayanya. Tetapi kalaulah ini betul, kenapa peruntukan bagi pengurusan bertambah lebih banyak. Dan peruntukan untuk pembangunan lebih kecil daripada yang

kita berikan bagi tahun ini. Kalau sekiranya Kerajaan berazam untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan awam, sudah tentu perbelanjaan pengurusan akan berkurangan, tetapi ini dibaliknya pula. Jadi, saya ingin meminta Kerajaan supaya meneliti perkara ini, apakah sebab-sebabnya peruntukan mengurus bertambah manakala perkhidmatan awam berkurangan kalau perkhidmatan-perkhidmatan awam diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS adalah sebuah agensi Kerajaan yang mengutip hasil yang berbilion-bilion ringgit tiap-tiap tahun hasil daripada pengeluaran minyak di negara ini. Saya meminta di sini supaya PETRONAS membuat sumbangan terhadap pembangunan, projekprojek sosio-ekonomi terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Projek-projek termasuk seperti jalan-jalanraya, bangunan-bangunan sekolah dan klinik-klinik serta rumah-rumah ibadat. Kerana kita ketahui bahawa penduduk-penduduk di luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak adalah sebahagian besar rakyat yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan ini dan mereka adalah dalam golongan yang miskin. Oleh kerana PETRONAS ini adalah satu agensi Kerajaan yang mengutip hasil minyak banyak sekali dari sumber tanah terutama di Sabah dan Sarawak, alangkah baiknya jika PETRONAS dapat memberi sumbangan positif ke atas pembangunan sosio-ekonomi penduduk luar bandar yang masih diselimuti oleh kemiskinan. Mereka duduk dan tinggal di bumi yang kaya dengan hasil minyak tanah, tetapi malangnya mereka masih lagi di dalam cengkaman kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga akan mempertingkatkan usaha untuk membuat Pulau Labuan sebagai sebuah Pusat Antarabangsa Perkhidmatan Kewangan. Ini adalah baik kerana ini akan mewujudkan imej kepada negara Malaysia sebagai satu Pusat Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa. Salah

satu cadangan yang saya dengar ialah pihak Kerajaan akan menggalakkan pembinaan Financial Park, di mana ongkos pembinaan Financial Park ini anggarkan lebih kurang \$200 juta. Maksud utama Financial Park ini ialah untuk memberi ruang pejabat dan tempat-tempat perkhidmatan kewangan di Labuan. Kalau sebuah kompleks berharga \$200 juta itu dibina, ini bermakna ruang pejabat itu begitu banyak, begitu cantik mungkin. Tetapi apakah hasilnya nanti?

Apa yang saya khawatirkan kalau sckiranya Financial Park ini dibina, penduduk-penduduk di Labuan yang mempunyai bangunan-bangunan untuk ruang pejabat untuk tempat-tempat tinggal mungkin akan kelinggalan daripada menikmati hasil kegiatan Kerajaan ini, kerana kalau ada satu Financial Park yang begitu cantik dan menarik dan ruang-ruang pejabat yang diambil oleh syarikat-syarikat asing yang hanya memerlukan ruang pejabat yang sempit dan kecil sahaja bermakna penduduk-penduduk di Labuan yang seharusnya akan menikmati hasil itu akan ketinggalan. Dan mungkin Financial Park yang dicadangkan ini kalau betul-betul dilaksanakan, akan menjadi apa yang dikatakan, dengan izin, white elephant, dan wang rakyat yang dibelanjakan begitu banyak \$200 juta akan tersia-sia. Saya memintalah supaya cadangan ini, kalau betul-betul Kerajaan ingin membina Financial Park ini jangan diteruskan. Sewakanlah ruang-ruang pejabat yang sedia ada di Labuan supaya orang-orang di sana dapat menikmatinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fasal keselamatan dalam negeri. Di negara kita, kita sudah mencapai bilangan penduduk 18 juta, dan daripada 18 juta ini termasuklah orang yang belum kena kira orang-orang yang boleh dikatakan datang secara haram ke negara kita. Pemimpin-pemimpin dari Sabah sudah melaung-laungkan perkara ini sejak beberapa

tahun lalu, mengenai pendatang haram daripada negara-negara jiran masuk ke Sabah tanpa dokumen-dokumen rasmi. Hanya sekarang pemimpin-pemimpin Pusat telah sedar dan insaf bahawa di Semenanjung Malaysia sudah didapati banyak pendatang haram daripada negara-negara jiran dan tindakan sudah diambil untuk mendaftar mereka ini. Saya hairan, kenapa apabila pemimpin-pemimpin dari Sabah dari dahulu lagi daripada USNO, BERJAYA dan sekarang PBS membawa perkara ini dengan berbagai cara sama ada di Dewan ini ataupun secara bertulis ataupun dalam suratkhobar dan sebagainya, rayuan-rayuan itu tidak dipedulikan, tidak diberi tilik berat. Saya meminta di sini, oleh kerana sekarang pemimpin-pemimpin sudah sedar kedatangan pendatang-pendatang haram ini adalah suatu gejala, ia akan menimbulkan dan sedang menimbulkan masalah sosial di seluruh negara, supaya apabila tindakan diambil, tindakan diambil secara menyeluruh tidak kira sama ada di Sabah atau di Johor atau di Selangor dan sebagainya—tindakan sama rata diambil.

Dan berkaitan dengan ini, ada sebuah kampung di kawasan saya di Tuaran (P.137) yang bernama Kampung Baru-Baru. Sebelum tahun 1980, pihak Kementerian Dalam Negeri ada menempatan pegawai-pegawai pengawal di kampung itu, kerana tempat ini ada satu tempat yang tersembunyi di tepi laul, di mana orang asing dapat mendarat dan menghilangkan diri di negeri kita. Tetapi selepas tahun 1985, pegawai-pegawai pengawal telah ditarik balik dan sekarang ramai orang-orang asing, terulamanya orang-orang dari Filipina yang datang mendarat di kawasan Uu di waktu malam. Apabila mereka sudah mendarat, mereka secara otomatis hilang, tidak tahu ke mana, sebab tidak ada yang mengawal. Jadi, saya meminta di sini supaya Kementerian Dalam Negeri memulih semula kawalan keselamatan di kampung tersebut supaya

kemasukan orang-orang asing tidak berlarutan ke negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Belanjawan tahun 1992 telah dibentangkan dalam Dewan ini, Bursa Saham Kuala Lumpur telah menunjukkan reaksi negatifnya. Ini disebabkan bahawa apa yang mereka dapati Belanjawan Negara tahun hadapan tidak ada sekatan-sekatan yang tegas mengenai bagaimana inflasi dapat dibendungkan dan juga defisit dalam akaun semasa, pembayaran imbalan dapat diturunkan.

Saya bacakan di sini kutipan kenyataan dari suratkhobar keluaran Business Times terbitan 6hb November, 1991 yang berbunyi:

"The K.L Stock Market responded poorly to the 1992 Budget and share prices retreated over broad front although losses were marginal. A broker said investors were disappointed as they have expected tougher measures to address problems such as inflation and the worsening current account deficit in the balance of payments".

Ini adalah satu petunjuk bahawa Perbelanjaan bagi tahun hadapan tidaklah begitu tegas mengenai dengan pembendungan inflasi serta pembaikan defisit akaun semasa yang semakin bertambah buruk, iaitu bagi tahun ini adalah dijangkakan bahawa defisit akaun semasa akan meningkat kepada \$11.8 billion dan tahun hadapan iaitu tahun 1992 akan meningkat ke paras \$13.2 billion. Jika keadaan ini tidak dibendung, saya khuatir bahawa lamakelamaan nilai matawang Malaysia akan kian menurun. Jadi masa ini kalau matawang ringgit sentiasa turun berbanding dengan matawang asing, walaupun Kerajaan tambahkan eksportnya masih lagi mengalami kekurangan pendapatan, kerana nilai ringgit sentiasa turun dan import tidak boleh dikurangkan kerana kita dapati pada masa ini sektor pembuatan serta

ekonomi negara sedang berkembang dan memerlukan jentera-jentera yang canggih untuk membolehkan sektor tersebut mengeluarkan bahan-bahan untuk dieksport... .

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masanya sudah lebih daripada 25 minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Belum, ada seminit lagi.

Datuk Monggoh Orow: Seminit lagi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya memang hendak memperingatkan Yang Berhormat dari Tuaran sila gulungkan, Yang Berhormat.

Datuk Monggoh Orow: Saya hendak bercakap cepailah. Jadi, dengan injury time itu ada 2 minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak dimasukkira Yang Berhormat. Sila gulung.

Datuk Monggoh Orow: Saya sudah lupa di mana ini, dia kacau jadi injury timelah.

Saya ingin pergi ke lain topik....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat masa tidak mengizinkan.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, satu minit. Dulum 30 tahun ini negara kita sudah mencapai beberapa kejayaan dan tidak kurang juga kegagalan. Bangunan-bangunan yang banyak mencakar langit, sudah banyak

terutama di Kuala Lumpur. Bilangan kereta sudah bertambah sehingga jalan-jalan raya sesak dengan mereka, tetapi salah satu gejala yang utama sekali ialah di Lembah Kelang ini, di mana pencemaran udara begitu buruk. Kalau Kerajaan tidak mengambil tindakan sekarang, barangkali ini akan mengambil masa yang lama dan ongkos yang tinggi, dan mungkin akan menurunkan nilai hidup di kawasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ini sudah cukup.

Datuk Monggoh Orow: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batu Berendam.

4,06 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negara bagi tahun 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1 hb November lalu.

Belanjawan yang dikemukakan adalah penerusan kepada Belanjawan-banjawan yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini, sejak ia memerintah bagi merangka dan melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat serta memajukan ekonomi negara dengan pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan keperluan masa.

Bagi Belanjawan kali ini, ia dirangka untuk menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020 seperti yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Semestinya Belanjawan ini hendaklah mengandungi ciri-ciri perancangan dan persediaan yang boleh membawa negara ke arah matlamat Wawasan 2020 itu dengan penuh keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan peruntukan Belanjawan 1992 sebanyak \$45.44 billion di mana sebanyak \$33.9 billion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$11.5 billion untuk Perbelanjaan Pembangunan merupakan jumlah angka yang besar.

Bagi menentukan kejayaan matlamat yang dituju tercapai, maka semestinya jentera Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan segala dasar dan perancangan yang dirangka hendaklah juga dipertingkatkan sesuai dengan keperluan dan kehendak sesuatu perancangan itu. Peningkatan jumlah Belanjawan juga memerlukan peningkatan tahap mutu dan keberkesanan jentera Kerajaan dalam mengendalikan segala rangka strategi yang telah ditetapkan bagi mencapai tahap ekonomi yang dituju. Sebaliknya jumlah angka Belanjawan yang besar tidak akan membawa kepada matlamat yang dituju, jika jentera yang mengendalikannya masih di tahap yang sama. Saya menimbulkan perkara ini kerana cabaran-cabaran yang akan kita hadapi semakin kompleks dan rumit, dan memerlukan keupayaan yang tinggi bagi menghadapi dan mengatasinya. Dalam hubungan ini kita perlu mengurangkan red tape atau kareh birokrasi dalam jentera Kerajaan, bagi memastikan agar matlamat yang dituju tercapai dengan berkesan. Walaupun kejayaan-kejayaan yang dicapai selama ini juga hasil sokongan jentera Kerajaan, namun masih banyak lagi kelemahan-kelemahan yang boleh dan perlu diatasi bagi menentukan pencapaian yang lebih memuaskan.

Pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru masih di tahap yang tidak memuaskan, bahkan penglibatan bumiputera dalam lapangan perniagaan dan

perdagangan adalah jauh daripada memuaskan. Agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan membantu bumiputera dalam peningkatan ekonomi mereka hendaklah mengemaskinikan jentera mereka agar tanggungjawab yang diamanahkan dapatlah dilaksanakan dengan berkesan,

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 memerlukan penghayatan daripada sekarang. Agensi-agensi Kerajaan perlu mengenalpasti sebarang red tape atau kareh birokrasi yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat Wawasan itu hendaklah dihapuskan daripada sekarang. Yang mustahak ialah pencapaian dan kejayaan sesuatu matlamat bukan kaedah remeh-temeh yang boleh menjejaskan laluan ke arah matlamat tersebut.

Kita patut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah meluluskan gaji baru kepada kakitangan Kerajaan yang menelan belanja \$2.9 bilion baru-baru ini. Kenaikan ini semestinya memberi perangsang yang lebih kepada kakitangan Kerajaan untuk mengandakan lagi usaha mereka untuk melaksanakan segala program yang telah ditetapkan. Kalau di pihak swasta, sebarang kenaikan gaji akan ditentukan oleh keupayaan atau prestasi seseorang pekerja atau syarikat, maka kakitangan Kerajaan hendaklah juga menganggap bahawa kenaikan gaji yang diterima memerlukan peningkatan mutu perkhidmatan mereka.

Kerajaan perlu menjalinkan budaya korporat dalam jentera Kerajaan agar setiap kakitangan Kerajaan berbangga dengan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan sepertimana dengan kakitangan gedung-gedung perdagangan yang besar yang megah dengan kecemerlangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, kita perlu ingat bahawa kenaikan gaji tersebut akan menambahkan jumlah pendedaran wang dalam negara dan ini

sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada kadar inflasi yang dialami sekarang. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat membendung keadaan inflasi negara di bawah 5% yang merupakan terendah di rantau ini mahupun di dunia.

Namun demikian, Kerajaan hendaklah memastikan agar pertambahan wang sebanyak \$2.9 bilion itu tidak menjejaskan usaha-usaha untuk mengawal kadar inflasi negara. Kerajaan hendaklah memikirkan langkah-langkah yang berkesan bagi menentukan agar pertambahan wang tersebut dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan menubuhkan sebuah Tabung Simpanan Perumahan khas untuk kakitangan awam dan swasta dengan tujuan menyediakan kemudahan untuk mereka menabung secara terencana bagi menghadapi keperluan perumahan mereka di masa akan datang. Tabung ini boleh dinamakan Tabung Simpanan Perumahan Negara dan diuruskan oleh sebuah Lembaga yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan dan swasta yang berpengalaman luas dalam bidang atau industri perumahan ini.

Matlamat utama Tabung ini ialah untuk membolehkan para pekerja Kerajaan dan swasta menabung tiap-tiap bulan kepada Tabung ini menerusi potongan gaji mengikut kadar yang ditetapkan dengan faedah ataupun dividen dibayar dari masa ke semasa seperti yang diamalkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun Tabung Haji. Wang yang disimpan di dalam Tabung ini bolehlah digunakan oleh para penyimpan untuk membeli rumah ataupun mengubahsuai rumah bagi kepentingan keluarga mereka di masa kini dan akan datang.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tabung Simpanan Perumahan ini hendaklah juga bertindak sebagai

pemaju perumahan dengan mengendalikan projek-projek perumahan kos rendah dan sederhana bagi menampung keperluan perumahan sektor ini. Ia akan dapat membantu Kerajaan mengatasi masalah kekurangan kemudahan perumahan kos rendah dan sederhana untuk rakyat.

Dalam erti kata lain, Tuan Yang di-Pertua, Tabung ini lebih bertujuan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana menabung bagi mendapatkan rumah idaman mereka. Dalam hubungan ini, pihak institusi kewangan ataupun bank hendaklah memperuntukkan kuota pinjaman perumahan mereka ke dalam Tabung tersebut sebagai satu rupa pelaburan alaupun pinjaman bagi pengendalian projek-projek perumahan yang diusahakan oleh Tabung itu. Saya percaya langkah ini akan dapat mengatasi rungutan mengenai masalah bank ataupun institusi kewangan yang sukar memberi pinjaman perumahan di bawah \$100,000 kepada orang ramai. Ini juga akan membolehkan para penyimpan di Tabung tersebut mendapatkan pinjaman kepada Tabung itu bagi keperluan perumahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya langkah ini bukan sahaja dapat membendung inflasi bahkan membantu kakitangan awam dan swasta menabung secara terencana bagi memenuhi keperluan perumahan jangka panjang mereka.

Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan agar kemudahan potongan gaji bagi membayar zakat perlulah disediakan oleh Kerajaan untuk kakitangan beragama Islam mengikut kadar yang ditetapkan. Kemudahan ini hendaklah diberikan secara pilihan atau optional, dengan izin, menerusi borang-borang tertentu yang boleh disediakan oleh Kerajaan. Langkah ini juga akan dapat membantu kakitangan Kerajaan beragama Islam menunaikan tanggungjawab mereka seperti yang dikehendaki

oleh agama di samping membantu usaha-usaha mengawal inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah hasrat Kerajaan untuk memperluaskan asas cukai perkhidmatan 5% bagi menambahkan hasil negara. Cadangan ini meliputi perkhidmatan-perkhidmatan profesional dan perundingan yang disediakan oleh hospital-hospital swasta, firma-firma guaman, kejuruteraan, juru ukur, akitek, akaun dan lain-lain badan perunding yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan \$300,000 dan ke atas. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh firma-firma pengiklanan dengan perolehan tahunan \$500,000 ke atas serta pusat-pusat servis motor dengan perolehan tahunan \$150,000 ke atas juga terlibat di bawah cadangan ini.

Walaupun cadangan ini dijangka akan dapat menambahkan hasil negara sebanyak \$146 juta, namun ia perlu dikaji semula kerana sebarang cukai perkhidmatan yang dikenakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang disenaraikan itu akan akhirnya dibebankan ke atas pengguna-pengguna iaitu orang ramai.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini juga mempunyai beberapa kelemahan. Sebagai contoh, seorang pesakit yang mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta akan dikenakan cukai perkhidmatan tersebut tetapi sebaliknya jika pesakit itu mendapatkan rawatan yang sama dari doktor yang sama di luar hospital itu, beliau tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan tersebut. Perlu dinyatakan bahawa hospital-hospital Kerajaan tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan perkhidmatan perubatan dan adalah tidak wajar untuk mengenakan cukai perkhidmatan itu ke atas hospital-hospital swasta sedangkan orang ramai terpaksa mendapatkan rawatan di hospital-hospital swasta tersebut.

Di samping itu, perbezaan jumlah perolehan jualan tahunan yang dikenakan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan antara \$150,000 hingga \$500,000 juga menjadi tandatanya. Cadangan ini juga akan menimbulkan percukaian pelbagai peringkat atau multi-stage taxation, dengan izin, apabila para profesional yang terlibat mendapatkan bantuan perkhidmatan antara mereka, Apakah Kerajaan akan mengemukakan satu mekanisme untuk mengalasi masalah ini?

Sementara itu, cadangan ini tidak mentakrifkan apakah perolehan jualan tahunan atau, dengan izin, annual sales turn-over. Ia memberi gambaran bahawa pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh badan-badan perunding tersebut dalam urusan perniagaan mereka tidak merupakan pendapatan jualan tahunan dan tidak seharusnya dicukai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan ini maka adalah wajar bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan menimbang semula dan kalau boleh membatalkan cadangan untuk memperluaskan cukai perkhidmatan 5% ini. Sebaliknya, cukai yang lebih tinggi hendaklah dikenakan ke atas syarikat-syarikat perjudian seperti Sports Toto, 4 Nombor Ekor, Big Sweeps dan Kasino. Saya percaya jika cadangan ini dilaksanakan, Kerajaan bukan sahaja akan mendapat hasil cukai sebanyak \$146 juta yang dijangkakan daripada cadangan perluasan asas cukai perkhidmatan 5% itu bahkan lebih tinggi daripada jumlah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam sidang Belanjawan yang lalu, saya telah menyarankan agar Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Sekuriti bagi mengurangkan red-tapes dalam urusan pengapungan sesebuah syarikat ataupun dalam sebarang urusan yang berkaitan dengan sektor sekuriti. Alhamdulillah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan yang bersetuju

untuk menubuhkan Suruhanjaya itu sepertimana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya.

Saya yakin penubuhan Suruhanjaya ini kelak akan dapat memperkemas dan memendekkan masa pemerosesan sesuatu permohonan berkaitan sekuriti dan menggalakkan lagi industri sekuriti di negara ini sesuai dengan keperluan pesat sektor korporat. Saya harap Suruhanjaya ini akan dapat dilaksanakan secepat mungkin dan saya percaya ini akan meningkatkan lagi keyakinan pihak swasta terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam memajukan sektor swasta sesuai dengan konsep Persyarikatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Kapit.

4.40ptg.

Tuan James Jimbun Anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat di kawasan Kapit, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Ucapan Belanjawan yang pertama yang jelas membuktikan kebolehannya mengurus ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1992 adalah penting dan menyeluruh kerana ia telah mengambil kira kedudukan ekonomi negara, kedudukan ekonomi antarabangsa dan perubahan radikal di seluruh pelusuk dunia yang sukar diramalkan. Ia juga mengambil kira kepentingan semua golongan termasuk wanita, yang cacat akal, belia dan petani. Di samping menekankan keperluan pertumbuhan ekonomi, ia juga menggariskan dasar kewangan untuk mengawal inflasi. Saya yakin dengan Belanjawan 1992, ekonomi Malaysia dan rakyat jelata boleh bersiap sedia untuk take-off, dengan izin, ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan adalah masalah utama yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar di negeri Sarawak. Saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan \$600 juta kepada Projek Rakyat Termiskin. Saya minta penjelasan daripada Menteri berkenaan:

- (i) dari jumlah \$600 juta berapakah yang akan dibahagikan kepada negeri Sarawak?
- (ii) Agensi manakah yang melaksanakan projek termiskin ini di negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh kemudahan sosio-ekonomi Rakyat Termiskin. Saya yakin, dengan pendekatan ini masalah dan kesan kemiskinan pasti dapat dikurangkan. Setakat ini, saya belum nampak program di atas di laksanakan, misalnya di kawasan saya Kapit, Sarawak. Maka saya merayu kepada Kerajaan untuk melaksanakan program tersebut secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kami penduduk dari kawasan Kapit amat berasa gembira apabila mendapati bahawa Menteri Kesihatan Malaysia pada empat tahun yang lalu telah bersetuju untuk membina bangunan tambahan hospital Kapit. Sampai sekarang projek pembinaan tambahan hospital Kapit belum lagi dimulakan. Semasa pilihanraya negeri baru-baru ini masalah pembinaan bangunan tambahan hospital Kapit telah menjadi isu propaganda politik oleh pihak Pembangkang di mana mereka mengatakan Kerajaan Pusat hanya pandai berjanji serta bercakap sahaja. Oleh yang demikian, saya mewakili penduduk di kawasan Kapit ingin meminta penjelasan Menteri Kesihatan mengapa begitu lama hingga empat tahun diperlukan untuk memproses penawaran tender. Maka kita berharap bahawa projek Persekutuan yang lain tidak akan menghadapi masalah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan telahpun diberi peruntukan sebanyak \$2,253 milion. Oleh yang demikian apabila Kementerian Kesihatan mengkaji semula perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Keenam nanti, rakyat di daerah Song kawasan Parlimen saya minta peruntukan untuk membina sebuah hospital daerah, sebab masalahnya pesakit-pesakit di Daerah Song terpaksa pergi ke hospital Kapit atau Hospital Besardi Bandar Sibul untuk mendapat rawatan dari doktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjemput Menteri Kesihatan sendiri melawat Bahagian Kapit atau Daerah Song untuk melihat sendiri masalah kemudahan perubatan di Bahagian tersebut. Sellepas lawatan itu, maka saya berharap supaya Menteri dapat memberi peruntukan yang lebih banyak lagi daripada yang sudah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh perkhidmatan perubatan di Kapit dan di Song.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Pejabat Bomba di Kapit sampai sekarang belum lagi ada tindakan dari pihak berkenaan untuk membina bangunan baru Pejabat Bomba di mana sekarang ini masih lagi ditempatkan di tempat letak kereta Kapit District Council, dengan izin. Perkara ini pernah saya kemukakan di Parlimen tetapi hingga sekarang belum juga pihak berkenaan memberi peruntukan untuk pembinaan bangunan baru untuk Pejabat Bomba di Kapit. Dengan ini, saya merayu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberikan perhatian khas kepada masalah bomba di Bahagian Kapit supaya bomba diberi peruntukan yang cukup untuk membina sebuah bangunan pejabat yang baru dan membeli alat-alat perkakas bomba serta memberi tambahan kepada kakitangannya. Saya juga ingin meminta Kementerian berkenaan membuat tinjauan serla pemeriksaan perkakas bomba di Daerah Song oleh kerana buat masa sekarang ini

belum ada lagi perkakas untuk memadamkan api apabila berlakunya kebakaran. Oleh yang demikian, jangan menunggu kebakaran berlaku, baru hendak menyediakan semua perkakas bomba.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk rumah panjang di Pala Wong, Batang Rajang dan Sungai Katibas di Daerah Song, kawasan Parlimen saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah memberi kebenaran kepada Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak menghantar pasukan bergerak untuk membuat Kad Pengenalan Baru dan Sijil Kelahiran selama dua minggu dalam bulan Julai dan Ogos yang lalu. Kemudahan-kemudahan yang begini dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat bagi memproses untuk membuat Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran kepada rakyat miskin yang tidak mampu untuk datang ke Jabatan Pendaftaran di Bahagian Kapit dan Daerah Song. Oleh yang demikian, saya ingin memohon sekali lagi jasa baik Kementerian Dalam Negeri untuk memberi peruntukan yang lebih banyak lagi bagi perbelanjaan kerja pasukan bergerak untuk membantu membuat Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran di rumah panjang yang lain di mana masih banyak lagi yang belum membuat Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran di negen Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, banyak projek pembangunan yang besar seperti jalan raya, hospital, lapangan terbang, pembangunan pertanian, perumahan, skim pembangunan tanah, tenaga kuasa elektrik dan projek Pejabat Perkhidmatan, atau Service Quarters, dengan izin, dirancangan akan dibuat di Sarawak. Dengan ini kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah memberi peruntukan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, kami berharap serta meminta Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan akan

membahagikan kerja-kerja kontrak kepada konsultan anak bumi Kenyalang yang telah didaftarkan dengan EPU alau jabatan yang berkenaan.

Dengan ini saya berharap supaya dapat membenarkan peluang kepada penduduk tempatan yang berbakat, yang ada mempunyai kemampuan sama juga dengan pakar-pakar asing. Consultants di bumi Kenyalang Negeri Sarawak amat berasa gembira kalau ada peraturan ini akan dilaksanakan di mana mereka diberi peluang turut serta membuat kerja untuk melaksanakan berbagai projek pembangunan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkhidmatan pos akan diswastakan tidak lama lagi untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik, mendapat keuntungan serta boleh mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Oleh yang demikian, harapan rakyat di luar bandar supaya perkhidmatan pos dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik, cepat dan dapat mengurangkan kehilangan surat apabila perkhidmatan pos diswastakan nanti.

Apabila perkhidmatan pos ini diswastakan masalah pekerja perlu diperbaiki supaya mereka akan mendapat gaji serta elaun dan, dengan izin, terms and conditions of service yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk di luar bandar minta dalam Rancangan Malaysia Keenam supaya banyak lagi Pejabat Mini Pos ditubuhkan dan juga minta agensi pos di luar bandar ditubuhkan macam di sekolah rendah, klinik desa, agricultural stations and upriver agent posts. Mereka ini sepatutnya diberi kuasa supaya dapat menolong orang menjalankan perkhidmatan pos di kawasan pedalaman seperti ulu sungai.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan kita hendaklah menswastakan Perkhidmatan Telekom dahulu adalah untuk menyediakan lebih banyak lagi per-

khidmatan telefon di seluruh negara serta membuat lebih banyak lagi talian dan memberi perkhidmatan yang baik dan cekap dalam memperbaiki kerosakan telefon kepada pelanggan. Tetapi sekarang Perkhidmatan Telekom tidak seperti yang dirancangan, kerana banyak pemohon untuk mendapatkan talian yang baru, baik di kawasan bandar atau di luar bandar, terpaksa menunggu beberapa bulan baru boleh mendapat talian yang baru. Oleh hal yang demikian, saya minta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memberi penjelasan apakah menyebabkan kurang talian atau apakah masalah yang rumit untuk mengadakan lebih banyak talian-talian bagi telefon yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, minta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memberi perkhidmatan telefon awam yang menggunakan kuasa Solar atau ATUR ditempatkan di sekolah rendah, di klinik desa, di agricultural stations and upriver agent posts bagi kegunaan penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman. Perkhidmatan yang begini amat perlu sebab dapat memberi maklumat lebih cepat dan bila berlaku sesuatu dapat dilaporkan kepada pihak berkenaan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemuda yang berumur dalam lingkungan 15-40 tahun sebanyak 7.6 million atau 42% daripada jumlah penduduk di Malaysia. Mereka inilah yang akan menjadi asas kejayaan untuk maju serta menuju ke Wawasan 2020. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengadakan lebih banyak lagi peluang-peluang tempat kerja serta mengadakan banyak tempat latihan-latihan bagi mereka untuk berdikari sendiri untuk maju supaya tidak membebankan Kerajaan dan mengurangkan jumlah pengangguran di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini juga Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak tempat untuk melatih para belia

serta belia niaga dan belia peladang supaya dapat membaiki serta menambah jumlah pendapatan para belia dan membuka lebih banyak tempat bekerja dengan mengadakan pertanian modern, menubuhkan kilang-kilang serta kedai runcit di mana kerja-kerja ini boleh memberi keuntungan seru untuk memperkenalkan dengan izin, entrepreneurship kepada golongan para belia.

Tuan Yang di-Perlu, kami di Sarawak meminta Kementerian Belia dan Sukan menambahkan, dengan izin, work camp centres di Sarawak untuk melatih para belia untuk kerja-kerja yang boleh memberi pendidikan dalam menyediakan diri dalam menghadapi peluang-peluang kerja dan juga untuk para belia bergaul, berkenalan bagi merapatkan lagi integrasi di antara kaum dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peluang ini saya mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin Pusat Barisan Nasional, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, atas sokongan mereka kepada BN3 semasa pilihanraya yang lepas. Sokongan yang padu telah membolehkan BN3 meyakinkan rakyat untuk memberi mandat padu dan kemenangan besar dan muktamad kepada BN3 di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Pilihanraya Umum di negeri Sarawak yang lepas, kita menyaksikan usaha parti Pembangkang cuba menggugat kedudukan BN3, Mereka sepertimana diduga mengamalkan politik pelampau, perkauman dan kedaerahan yang sempit. Mereka menyebarkan pembohongan yang melulu, hasat dengki dan di beberapa tempat memeras ugut penduduk-penduduk yang setia kepada BN3.

Kami berterima kasih kepada rakyat jelata kerana mereka menolak segala politik pembohongan dan pelampau kaum yang diamalkan oleh parti Pembangkang, khasnya parti PBDS.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan pilihanraya negeri Sarawak menunjukkan rakyat Malaysia di Sarawak:

- (i) memberisokongan penuh kepada pemimpin Barisan Nasional di semua peringkat. Ini menunjukkan bahawa mereka menyokong penuh dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional khasnya politik pembangunan dan Wawasan 2020;
- (ii) menolak politik pembohongan, politik gila kuasa dan politik sempit perkauman parti Pembangkang; dan
- (iii) kaum Dayak memberi penuh keyakinan kepada BN3 untuk mewakili mereka di dalam Kerajaan di semua peringkat. Mereka menolak parti PBDS.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Rantau Panjang.

4.59 ptg.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga untuk turut sama membincangkan tentang Belanjawan tahun 1992 yang lelah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Dan difahamkan bahawa Belanjawan tahun 1992 yang dibentangkan ini adalah merupakan langkah-langkah awal ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 yang dikemukakan oleh Kerajaan. Dan difahamkan juga bahawa Wawasan 2020 ini adalah bermatlamatkan untuk mencapai negara yang maju, istimewa di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Untuk mencapai negara yang maju ini, saya rasa dan kita yakin seluruh rakyat akan mengalu-alukan. Tetapi apabila ditekankan bahawa negara yang

maju yang hendak dicapai ini, suatu penekanan kepada perdagangan dan perindustrian, maka perlulah kita memberikan sedikit pandangan dan perhatian bahawa hendaklah negara yang maju yang menjadi matlamat kepada Wawasan 2020 ini terus mengambil kira tentang perpaduan nilai dan kesimbangan di antara kaum dalam menikmati kemajuan yang akan dicapai itu. Di mana sedia termaklum bahawa negara kita terdiri daripada rakyat yang berbilang-bilang kaum dan yang kita sedia termaklum bahawa kaum bumiputera ataupun yang dikenali sebagai rumpun Melayu, budaya hidup mereka turun-temurun hingga ke hari ini ialah budaya tani. Sementara rakyat Malaysia yang terdiri daripada kaum Cina, kita sedia termaklum bahawa budaya mereka adalah budaya perniagaan, perdagangan dan perindustrian.

Jadi seandainya negara maju yang kita cita-citakan itu ialah ditekankan dari segi perindustrian dan perdagangan, maka perlulah satu tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan iaitu memberikan penekanan kepada rumpun Melayu ini yang budaya hidupnya adalah pertanian, dipertingkatkan alau dirobah budaya ini kepada satu budaya yang asing kepadanya iaitu budaya perdagangan dan perindustrian. Kalau penekanan serius tidak diberikan, maka ia akan membawa satu implikasi iaitu rumpun Melayu ataupun bumiputera ini selamalamanya akan ketinggalan dan tentunya negara maju yang mahu kita capai ini, yang ditekankan di dalam perindustrian akan mudah dicapai oleh kaum-kaum yang sememangnya budyya hariannya adalah bidang itu.

Maka apabila tidak ada penekanan yang bersungguh-sungguh dari Kerajaan bagi memersamakan hal ini, maka kita akan lihat pencapaian yang akan kita terima ataupun yang negara kita capai, akan berlaku satu keadaan iaitu perlumbaan bagi mendapatkan hak-hak kemajuan di dalam negara yang akan maju ini diibaratkan sebagai per-

lumbaan di antara orang yang sedang bertatih dengan orang yang sememangnya sudah pandai berlari'. Dari segi tabienya, bahawa keadaan ini akan berlaku dan akan menimbulkan ketidakseimbangan dan akan membawa kepada suatu akibat, iaitu ketidakpuasan hati akan berlaku di kalangan kaum-kaum daripada rakyat di negara kita ini.

Hal yang kedua di dalam hal ini, perlu juga diambil kira bahawa salah satu faktor kedaulatan sesebuah negara dan kedaulatan rakyatnya—apabila rakyat di negara itu memiliki sumber keperluan asasnya, walaupun kemajuan dan kekayaan sesebuah negara itu merupakan satu Faktor daripada membentuk kedaulatannya, tetapi memiliki sumber keperluan asas itu juga memainkan peranan sebagai faktor kedaulatan negara itu. Sebab di dalam perkembangan sejarah manusia, kita lihat berapa banyak negara yang kaya-raya, tetapi oleh kerana dia tidak memiliki sumber keperluan asas, negara itu akhirnya ia menjadi negara peminta sedekah, walaupun ia memiliki harta kekayaan yang banyak.

Jadi, kita harap hal-hal ini semuanya diambil kira oleh Kerajaan kita dan oleh kita sekalian di dalam usaha melaksanakan ataupun usaha mencapai sebuah negara maju yang semuanya kita idam-idamkan dan kita cita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada hasrat dan usaha mencapai negara maju, barangkali perlulah kita ambil perhitungan bahawa di antara langkah-langkah bagi mencapai sebuah negara yang maju, yang rakyatnya berdaulat, langkah awal yang tidak boleh diketepikan ataupun merupakan langkah awal yang begitu asas ialah usaha membentuk rakyat itu sendiri. Bukan sahaja membentuknya dari segi keupayaan kebendaan, tetapi membentuk rakyat itu sendiri supaya dia menjadi insan yang berakhlak dan mempunyai daya maju, sesuai dengan kepentingan-kepentingan dan ke-

perluan-keperluan sebagai insan dan sebagai manusia.

Di dalam membentuk manusia yang berakhlak dan berdaya maju, maka kita berpendapat bahawa gerakan dan pelaksanaan dakwah secara serius mesti dilakukan oleh Kerajaan bagi menerapkan nilai-nilai murni dan sejagat kepada tiap-tiap rakyat, sekalipun rakyat yang tidak menganut agama yang didakwahkan ini atas keyakinan kita bahawa nilai-nilai sejagat dan nilai-nilai murni yang ada di dalam agama yang kita dakwahkan itu adalah berasaskan kepada keadilan kemanusiaan. Ia akan adil kepada semua manusia dan ia akan memberikan nilai diri yang berdaya maju kepada semua manusia sama ada ia menganut agama itu ataupun tidak.

Langkah yang kedua ialah di dalam membentuk insan yang berakhlak itu dan berdaya maju ini, soal-soal negatif yang sememangnya boleh menjejaskan usaha membentuk insan yang berakhlak dan berdaya maju ini perlulah dibanteras untuk diminimumkan kalaupun tidak dapat dihapuskan. Kerana itu, kita menyeru kepada Kerajaan supaya gejala-gejala negatif yang boleh merosak dan menjejaskan ini perlu dibendung dalam usaha ke arah, kalau boleh menghapuskan seperti judi, pelacuran, arak dan berbagai-bagai lagi yang boleh menjejaskan individu dan masyarakat yang diterima umum oleh semua manusia kerana ia adalah merupakan penjejasan manusia tidak kira sama ada manusia yang beragama ataupun manusia yang tidak beragama. Walaupun kita tidaklah meminta supaya ia dihapuskan secara menyeluruh dan serentak kerana itu tidak mengikut tabiinya, tetapi kita meminta supaya usaha ke arah itu secara bersungguh-sungguh walaupun secara berperingkat-peringkat yang menuju ke suatu sasaran iaitu akhirnya perkara-perkara seperti ini terhapus dan tidak lagi menjadi ancaman kepada individu, kepada masyarakat dan

kepada rakyat di dalam usaha membentuk rakyat sebagai insan yang berakhlak dan berdaya maju.

Di antara langkahnya juga ialah sepertimana yang selalu dilaungkan iaitu pimpinan menjadi teladan. Maka pimpinan Kerajaan dan pimpinan masyarakat di dalam semua peringkat mestilah lebih dahulu menunjukkan contoh teladan kepada rakyat. Ditunjukkan contoh teladan dari segi positifnya hidup, ditunjukkan contoh teladan dari segi amanah, dari segi ikhlas dan segala macam segi seperti mana yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang terlalu menekankan soal rasuah, yang terlalu menekankan soal penyalahgunaan kuasa. Sehingga dengan penekanan-penekanan itu kita merasa prasangka-suka bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kalau dikotakan bagai apa yang dikatakan itu, dia adalah merupakan seorang jaguh pembentukan insan yang berakhlak dan berdaya maju.

Apabila terbentuk insan yang berakhlak dan berdaya maju ini, yang akhirnya akan menjadi rakyat yang bekerja terus untuk membangun negaranya kerana insan yang berakhlak dan berdaya maju ini akan menjadikan kerja-kerjanya di dalam membangunkan negara itu sebagai ibadah—bagi yang beragama dan sebagai bakti bagi orang yang tidak meyakini agama. Maka apabila keyakinan bahawa setiap kerja yang kita lakukan di dalam membangunkan negara kita ini adalah ibadah, maka dengan sendirinya tiap-tiap rakyat akan berusaha bersungguh-sungguh bekerja dengan serius, penuh ikhlas, penuh amanah bagi membangunkan negaranya bukan sahaja sekadar untuk mendapat habuan di dunia ini, tetapi oleh kerana kerja-kerjanya itu sudah ke arah ibadah, maka habuannya juga adalah selepas kehidupan di dunia ini. Maka apabila ini terlaksana, maka dengan sendirinya penghasilan-penghasilan

akan bertambah banyak dan kos-kos ataupun peruntukan pengurusan di dalam menguruskan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa kepada kemajuan seperti mana yang ada pada hari ini akan menjadi kecil. Maka dengan pembentukan insan ini akan membawa suatu hasil yang begitu besar iaitu negara akan maju dan akan membangun dengan menanggung beban pentadbiran yang begitu minima, kerana beban pentadbiran dan beban kerja untuk maju itu sudah teragih di dunia sebagai upah dan gaji, teragih juga selepas itu sebagai pahala tabungan di masa akan datang.

Di dalam hal ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, langkah yang kedua yang mesti diambil tindakan segera ialah berusaha bersungguh-sungguh membasmi kemiskinan mutlak dan memperseimbangkan dan mengurangkan jurang kemiskinan nisbi ataupun relatif di kalangan rakyat. Walaupun kita lihat di dalam Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, ada peruntukan \$128 juta bagi bertujuan membantu golongan fakir-miskin dan mungkin peruntukan-peruntukan di dalam Kementerian-kementerian lain tentunya ada juga yang menuju ke arah pembasmian kemiskinan ini, tetapi kita masih berpendapat bahawa peruntukan \$128 juta dan peruntukan-peruntukan yang mungkin ada secara tak langsung daripada peruntukan-peruntukan Kementerian-kementerian yang lain, kita rasa ia merupakan jumlah yang masih kecil, kalau kita melihat dari segi pentingnya kita menumpukan sebesar-besar gerakerja di dalam membasmi kemiskinan mutlak ini. Kerana kita tahu bahawadengan terbasminya kemiskinan mutlak ini dan terangkatnya taraf kehidupan semua rakyat di atas paras keperluan hariannya, maka ia boleh mencergaskan rakyat ke arah membuat kemajuan dan pembangunan di samping semua rakyat mempunyai kuasa untuk membeli. Maka dengan ini penghasilan negara akan bertambah ataupun pasaran negara akan bertambah besar yang akan

mencergaskan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas tindakan Kerajaan menaikkan gaji pegawai-pegawai awam yang dengan sendirinya merupakan suatu penghargaan kepada pegawai-pegawai kita yang selama ini telah memberikan pengorbanan di dalam melaksanakan pentadbiran negara. Namun begitu, kita mengharapkan supaya Kerajaan membuat kepastian agar pentadbiran dan pengurusan negara senantiasa di dalam keadaan meningkat, senantiasa di dalam keadaan ditingkatkan, dikemaskinikan. Selain daripada itu, kita meminta juga supaya Kerajaan membuat langkah-langkah ke arah membendung inflasi yang kemungkinannya akan berlaku akibat daripada kenaikan gaji ini. Ini ialah oleh kerana kenaikan gaji adalah melibatkan sebahagian daripada rakyat, sementara kalau berlaku inflasi, ia akan menyeluruh kepada rakyat termasuk rakyat yang tidak makan gaji, termasuk rakyat yang ada di kampung-kampung yang tidak mempunyai apa-apa peningkatan di dalam pendapatannya tetapi dengan ini bebanannya akan bertambah, sekiranya inflasi ini tidak diberikan perhatian yang sungguh-sungguh bagi membendungnya.

Termasuklah juga kita lihat dan sepertimana yang diketahui secara umum, yang didengar di sana-sini tentang kemungkinan berlaku di dalam pentadbiran negara, pemborosan-pemborosan, pembaziran-pembaziran, malah mungkin lebih jauh daripada itu, maka kita harap juga supaya hal-hal seperti ini diambil kira dan diberikan usaha bersungguh-sungguh supaya perkara ini tidak lagi berlaku ataupun sekurang-kurangnya ia dapat dibendung, Lidak berleluasa.

Di dalam hal ini, kita lihat bahawa salah satu faktor yang mungkin membawa kepada hal-hal yang negatif di

dalam hal ini ialah campurtangan politik yang berlebih-lebihan di dalam pentadbiran negara, yang menyebabkan kita lihat di sana-sini, suara-suara yang kurang menyenangkan berlaku. Di antara lain ialah kerana campur-tangan politik agak mungkin menonjol. Maka hal ini juga perlu diambil kira di dalam pengurusan dan pentadbiran negara.

Demikian juga kita lihat di dalam Belanjawan yang dikemukakan terdapat beberapa banyak pemotongan-pemotongan cukai, dan ini tentunya adalah satu langkah yang melegakan rakyat, Tetapi kita kena ambil kira bahawa pemotongan-pemotongan cukai ini lebih banyak melegakan bagi mereka yang mempunyai pendapatan tetap, yang pendapatannya sampai ke tahap nilai yang boleh dicukai, maka mereka mendapat kelegaan. Ertinya, di dalam hal ini, rakyat yang tidak berpendapatan tetap ataupun berpendapatan tetap tetapi pendapatannya itu tidak sampai kepada nilai yang boleh dicukai, mereka tidak mendapat apa-apa faedah secara langsung daripada pemotongan cukai ini. Maka di sini juga barangkali Kerajaan kita wajar memikirkan tentang pemotongan cukai yang dinikmati oleh sebahagian rakyat ini supaya kenikmatan seperti ini dinikmati oleh seluruh rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga soal bantuan grant kepada negeri-negeri yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan. Mengikut apa yang kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa ia akan mempertimbangkan bantuan grant itu diasaskan atas bilangan penduduk sesebuah negeri. Maka bagi kami daripada PAS, suka menyarankan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan selain daripada bantuan berdasarkan kepada bilangan, -maka perlu juga diambil kira tentang kedudukan sesebuah negeri dan perlu juga diambil kira tentang sosio-ekonomi rakyat negeri itu. Negeri yang terkenal sebagai negeri yang miskin, yang

Perlis, Kedah, Kelantan, mungkin Terengganu, Sabah, Sarawak yang infrastrukturnya hingga ke hari ini masih mundur, masih belum memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu minit lagi, sila gulung.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Di samping mungkin negeri-negeri seperti ini rakyatnya ramai yang boleh dikira sebagai miskin, maka untuk memperseimbangkan semua negeri di dalam negara kita ini dan semua rakyat di dalam negara kita ini, maka bantuan ini perlulah diambil kira dari segi kedudukan sesebuah negeri dan kedudukan miskin kayanya rakyat sesebuah negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kelantan termasuk negeri yang mundur dan kemunduran negeri Kelantan ini tidak boleh dikira sebagai disebabkan oleh kerana ia diperintah oleh parti Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sungai Benut.

5.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama untuk membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 1 hb November yang lalu,

Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur kerana negara kita telah menikmati kadar pertumbuhan ekonomi

tahun-tahun kebelakangan ini. Lebih-lebih lagi pada tahun 1990 yang mana kadar ekonomi lelah berkembang pada kadar 9.8%. Ini adalah hasil daripada usaha bijak Kerajaan dalam meneroka dan menyusun strategi-strategi yang berkesan supaya kadar peratusan pertumbuhan ekonomi yang tinggi akan sentiasa dapat dicapai. Usaha-usaha gigih Kerajaan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan di dalam dan luar bandar patutlah dipuji kerana hasil daripada usaha-usaha tersebut, maka penduduk Malaysia pada keseluruhannya dapat menikmati hidup yang lebih sempurna dan selesa serta laraf hidup yang lebih baik melalui kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan.

Adalah tidak adil bagi setengah-setengah pihak, lebih-lebih lagi pihak Pembangkang yang hanya tahu mengecam tindakan Kerajaan serta menghasut penduduk-penduduk elengan fitnah-fitnah yang tidak berasas untuk kepentingan mereka sendiri tanpa mengambil kira kepentingan negara. Tindakan-tindakan ini akan mendatangkan hasil yang negatif dan akhirnya akan menyebabkan terbantutnya pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi pada tahun 1991 dijangka akan menurun sedikit berbanding dengan tahun 1990, seperti yang dapat dilihat melalui petunjuk-petunjuk ekonomi. Walaupun pertumbuhan ekonomi yang diramalkan pada tahun 1992 dijangka berkurangan kepada 8.5%, pertumbuhan ini adalah lebih baik dan kukuh jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara jiran dan juga negara-negara lain di dunia. Amerika Syarikat dijangka pertumbuhannya 3.5%, Britain, Kanada dan France dalam lingkungan 2.5%-3%. Kita haruslah bersyukur atas langkah bijak Kerajaan dalam merangka strategi-strategi yang berkesan untuk jangka pendek dan jangka panjang yang mana dapat mengelakkan ekonomi daripada mengalami kejatuhan yang

lebih teruk sekali berbanding dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan untuk mengawal inflasi melalui pengawalan wang dan perbelanjaan pengguna telah menunjukkan kesan-kesan yang positif, yang mana dapat menstabilkan harga-harga barangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan haruslah memberi lebih penekanan untuk mengawal perbelanjaan pengguna yang mana merupakan salah satu faktor utama berhubung dengan kenaikan inflasi. Pemberian kredit yang sewenang-wenangnya telah menyebabkan pengguna berbelanja dengan begitu boros sekali tanpa mengambil kira kemampuan masing-masing. Data-data perangkaan menunjukkan penggunaan kad kredit telah berkembang dengan begitu pesat sekali, sebanyak 70% sejak dua tahun kebelakangan ini.

Kemudahan kad kredit yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan secara berleluasa lelah banyak dipertikaikan. Apa yang kita lihat sekarang ialah terdapat berbagai jenis kad kredit, berbagai rupa dan warna serta meliputi berbagai peringkat masyarakat yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan ini. Institusi-institusi ini berlumba-lumba mengenalkan bermacam-macam perkhidmatan sampingan yang baru untuk menarik lebih ramai pelanggan. Walaupun masyarakat kita sedang menuju ke arah masyarakat yang dikenali sebagai, dengan izin, *cashless society*, perbelanjaan pengguna tidak haruslah dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Malah bagi setengah pengguna, mereka berbelanja di luar kemampuan mereka. Dan perbelanjaan tersebut dilakukan sebelum memperolehi pendapatan. Sebanyak 786,000 kad kredit telah dikeluarkan yang membabitkan perbelanjaan bernilai \$1,200 juta mulai dari Oktober 1990 hinggalah ke Mac 1991 yang mana implikasinya harus diteliti dengan lebih mendalam.

Saya mengesyorkan agar Kerajaan mengkaji kemudahan-kemudahan kad kredit yang diberi kepada institusi-institusi kewangan bagi mengelakkan perbelanjaan yang tidak menentu sebagai salah satu langkah ke arah mengurangkan tekanan inflasi. Saya juga mengesyorkan agar Kerajaan mengawal kemudahan-kemudahan kredit yang lain yang ditawarkan oleh pihak institusi supaya pemberian kredit dihadkan kepada penggunaan yang produktif. Langkah Kerajaan memberi pengecualian cukai kepada hasil daripada tabungan-tabungan dalam bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah merupakan satu langkah yang baik untuk menggalakkan tabungan-tabungan dalam negeri, Galakan-galakan yang diberikan kepada bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk membuka cawangan-cawangan baru, cawangan-cawangan bergerak dan pembukaan pondok yang bertujuan untuk memberi galakan kepada tabungan adalah suatu idea yang harus dipuji. Langkah-langkah ini akan dapat melahirkan suatu masyarakat yang suka menyimpan dan berjimat-cermat tanpa mengira peringkat umur.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan kemantapan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat hasil dari usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memperlihatkan hasil yang positif dan melalui penswastan juga telah membantu usaha ke arah mewujudkan ekonomi yang lebih kukuh dan mempunyai daya persaingan. Apa yang penting di sini dalam usaha Kerajaan membangunkan ekonomi, saya percaya kebajikan golongan yang kurang bernasib baik perlu diberikan tumpuan yang menyeluruh. Kita tidak mahu hanya negara kita sahaja yang kaya, tetapi rakyatnya masih lagi dibelenggu kemiskinan. Untuk itu, saya berpendapat kebajikan golongan yang kurang bernasib baik perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya, demi untuk mewujudkan masyarakat yang mempunyai pengagihan ekonomi yang

saksama dan adil. Tumpuan ini hendaklah diberikan kepada golongan masyarakat luar bandar yang telah terbukti mengalami masalah yang ketara di dalam bidang kemiskinan.

Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa KDNK pada tahun ini dijangka meningkat kepada kadar 8.6%, dan pada tahun hadapan 8.5% dengan pertumbuhan pendapatan perkapita adalah \$7,400. Jika benar angka ini, kita perlu bersyukur kerana kadar KDNK ini akan menjamin bahawa pertumbuhan ekonomi negara akan terus berkembang dengan pesat dan memungkinkan pendapatan negara akan bertambah. Dan ini bermakna negara akan memperolehi rahmat yang besar. Namun begitu, apa yang saya khuatirkan ialah sama ada pengagihan bersifat adil dan berupaya mewujudkan sebuah masyarakat penyang yang sepertimana yang disarankan di dalam pembentangan Belanjawan 1991. Dalam konteks ekonomi yang bersifat persaingan, saya percaya beberapa golongan yang baru melibatkan diri di dalam arena perniagaan akan menghadapi berbagai masalah yang memungkinkan firma yang masih baru di dalam dunia perniagaan akan mengalami kerugian. Saya percaya, golongan yang banyak terlibat ialah golongan bumiputera yang masih baru di dalam dunia perniagaan yang sentiasa menghadapi persaingan. Oleh itu, saya menyokong penuh usaha Kerajaan untuk memberikan peruntukan sebanyak \$100 juta sebagai modal berbayar dan \$200 juta untuk kegiatan Yayasan Pelaburan Bumiputera yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat bumiputera bagi mengelak jurang perekonomian di antara berbagai etnik di negara ini.

Di samping itu, saya juga ingin memberi cadangan agar Kerajaan mewujudkan pusat-pusat latihan untuk melahirkan usahawan-usahawan yang lebih terpelajar dan mempunyai daya saing yang tinggi bagi menghadapi dunia perniagaan yang lebih mencabar. Tidak

ada gunanya sekiranya kita memberi peruntukan berjumlah berjuta-juta ringgit sekiranya penerima peruntukan itu tidak dapat menguruskan wang tersebut dengan secepat mungkin. Oleh itu, usaha untuk melahirkan golongan usahawan yang mempunyai kecekapan di dalam bidang pengurusan itu perlulah dititikberatkan dan perlulah menjadi keutamaan yang mutlak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa faktor utama ke arah pertumbuhan ekonomi adalah permintaan dalam negeri yang dijangka berkembang pada kadar 13% berbanding 15% pada tahun 1990 dan penggunaan swasta dianggarkan berkembang pada kadar 10%, dan dijangka sektor swasta terus kukuh dengan kadar pertumbuhan 20%. Perkembangan cergas pelaburan sektor swasta adalah satu perkembangan yang sihat, kerana ini akan mengurangkan pelaburan keluar negeri yang pada masa yang sama akan menyebabkan pengaliran modal keluar negeri. Langkah Kerajaan untuk menghapuskan dan menarik balik taraf perintis adalah satu langkah yang bijak. Namun begitu, tindakan begini pada hemat saya akan menyebabkan pelabur asing akan mengalihkan perhatian mereka ke negara lain yang turut serta menawarkan beberapa keistimewaan seperti taraf perintis. Untuk mengatasi masalah ini, saya berharap agar Kerajaan akan dapat menawarkan kemudahan yang lebih menarik kepada pelabur-pelabur tempatan untuk melabur di dalam negara ini.

Di samping itu, usaha Kerajaan untuk mencari pasaran baru di negara-negara yang telah mengalami keruntuhan sistem komunis perlulah diteruskan kerana kita tidak seharusnya bergantung kepada negara yang sedia ada, apatah lagi dengan pelbagai dasar yang menyukarkan barangan eksport kita untuk menembusi pasaran mereka. Misi-misi perdagangan perlulah dipergiatkan dalam usahakita untuk mencari pasaran-pasaran baru bagi memastikan agar kita

tidak akan bergantung kepada pasaran yang sedia ada. Usaha-usaha Kerajaan untuk cuba menerokai pasaran baru seperti di negara Vietnam, perlulah juga diteruskan dan perlu meninjau peluang-peluang untuk cuba membuka pasaran baru terutamanya dengan negara Amerika Latin, Timur Jauh, begitu juga dengan negara-negara di benua Afrika.

Tuan Yangdi-Pertua, pertumbuhan pesat di dalam bidang pembinaan telah menyebabkan negara kita menghadapi masalah yang besar yang melibatkan kekurangan dalam gunatenaga mahir dan kurang mahir. Keadaan ini telah menyebabkan buruh-buruh asing telah dibawa masuk sama ada urusannya berjalan secara halal ataupun tidak, bagi memastikan agar sesuatu projek dapat dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual. Apa yang saya ingin perkatakan di sini ialah pada suatu waktu, kemasukan buruh asing itu telah mempercepatkan proses pembangunan negara kita, tetapi pada masa yang sama ia telah menyebabkan pengaliran keluar wang yang begitu banyak di samping wujudnya masalah sosial yang lain.

Persoalannya, mengapakah masih ada pengangguran di negara kita? Pada hal terlalu banyak peluang pekerjaan untuk penduduk negara ini. Terdapat berbagai rungutan daripada pekerja tempatan bahawa penduduk tempatan dibayar gaji yang murah sedangkan taraf hidup dan kos hidup yang lebih tinggi terpaksa dipenuhi berbeza dengan buruh asing yang sedia menerima gaji yang rendah. Keadaan ini menyebabkan pemaju-pemaju lebih suka untuk mengambil buruh asing bagi mengelakkan mereka terpaksa membayar gaji yang tinggi.

Saya percaya dan amat bersetuju dalam usaha Kerajaan untuk mengenakan levi ke atas buruh asing yang bekerja di negara ini. Di samping itu, saya juga menyeru agar Kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap majikan yang membawa masuk buruh asing secara haram ke negara ini. Namun

begitu, saya berharap pelaksanaan pengenaan levi ini akan berjalan dengan satu sistem yang cekap bagi memastikan agar majikan-majikan tidak bertindak dengan memotong upah pekerja, dengan alasan untuk pembayaran levi tetapi sebaliknya wang itu masuk ke kantung para majikan. Seandainya perkara ini tidak diawasi dengan sebaiknya maka saya percaya akan wujud satu bentuk baru di dalam sistem hamba-abdi yang moden yang memeras tenaga buruh asing di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dalam usaha mengatasi berbagai masalah dan kemungkinan maka strategi Belanjawan yang antara lain, telah menjuruskan empat perkara seperti yang telah disebutkan oleh Menteri Kewangan. Saya percaya bahawa setiap dasar yang dibuat adalah perlu dilaksanakan supaya strategi-strategi ini berjaya dan tidak hanya menjadi gongokan di atas kertas sahaja.

Untuk memastikan bahawa apa yang disarankan berjalan dengan berkesan, saya percayabahawa sebuah negara yang maju perlu mempunyai rakyat yang sihat. Asas bagi keluarga yang sihat adalah keperluan terhadap kemudahan perumahan. Saya beranggapan bahawa Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap rakyat perlu mempunyai rumah bagi memastikan kehidupan rakyat akan dapat terpelihara. Bagi golongan yang berpendapat rendah, sering kali dibebani dengan proses pinjaman bank. Bagi memudahkan pembelian rumah, saya berharap Bank Negara Malaysia perlu mengeluarkan satu garis panduan semasa urusan pembelian rumah bagi memastikan pihak bank tidak dengan mudah menolak sesuatu permohonan atas alasan rumah yang dibeli tidak memenuhi kriteria untuk sesuatu pinjaman. Kerana bagi pinjaman rumah murah biasanya pihak bank tidak membuat keuntungan yang banyak, kerana di atas kadar faedah yang rendah. Di samping itu, saya juga difahamkan

pihak bank juga telah meletakkan berbagai-bagai syarat yang ketat bagi pembeli-pembeli rumah, terutamanya bagi yang membeli rumah murah. Oleh yang demikian, saya mengharapkan bahawa pihak Kerajaan mestilah membuat satu garis panduan bagi memudahkan golongan yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah bagi sesuatu kawasan perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta.

Satu perkara lagi yang saya ingin disebutkan di sini, Kerajaan hendaklah bertindak mencari kata sepakat bagi pihak-pihak yang terlibat untuk menyelesaikan masalah yang berhubung dengan projek rumah terbengkalai yang ada di pelusuk tanahair kita, kerana perkara ini adalah satu perkara yang lama yang perlu diselesaikan. Ini adalah kerana sclagi tidak dapat diselesaikan masalah ini akan berlarutan. Perkara ini memang ramai pihak yang terlibat, iaitu orang-orang yang telah membeli rumah dengan pihak-pihak pemaju tetapi projek berkenaan tidak dapat berjalan dengan baik. Jadi, saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan dan juga pihak-pihak swasta yang terlibat supaya menggariskan satu kertas-kerja apakah cara yang paling baik untuk menyelesaikan projek-projek yang terbengkalai ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari Belanjawan yang dibentangkan, \$45.447 bilion telah diperuntukkan dan dari jumlah itu, \$33.925 bilion adalah Perbelanjaan untuk Mengurus manakala \$11.522 bilion adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Dan saya amat berharap dengan peruntukan yang sebegitu besar, peruntukan itu akan digunakan dengan sepenuh rasa akauntabiliti, berkesan dan diagihkan dengan seadil yang mungkin. Saya amat berharap agar peruntukan yang sebegitu besar ini akan membuka mata dan pintu hati pihak Pembangkang yang sentiasa menganggap Kerajaan menyalahgunakan wang rakyat untuk kepentingan sendiri.

Menerusi peruntukan tersebut, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan dengan satu peruntukan yang besar, iaitu melebihi peruntukan yang sebelumnya. Jadi, saya berharap dengan pertambahan peruntukan itu, kemajuan di dalam bidang pendidikan akan terus berkembang sejajar dengan pertumbuhan dan pembangunan negara. Tumpuan hendaklah diberikan, terutamanya terhadap mutu pendidikan di sekolah, terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar yang sememangnya telah ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar.

Sesuai dengan perkembangan yang pesat di dalam bidang sains dan teknologi, saya berharap agar Kerajaan akan membina lebih banyak sekolah-sekolah vokasional bagi memastikan agar lahir lebih ramai golongan yang mampu untuk memenuhi permintaan gunatenaga di dalam bidang teknikal. Penggunaan komputer hendaklah dititikberatkan dan jika perlu, dijadikan satu pelajaran yang wajib dan dimasukkan sebagai tambahan sukatan matapelajaran untuk memenuhi hasrat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan sebanyak 12.8% iaitu sebanyak \$2.819 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan juga merupakan satu langkah yang bijak yang telah dilakukan oleh Kerajaan. Saya bersyukur kerana Kerajaan teramat peka terhadap keselamatan negara walaupun beberapa ancaman dalam negeri telah berjaya dihapuskan. Apa yang diharapkan ialah agar mutu dan keupayaan Pasukan Tentera dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk memastikan agar keselamatan negara tetap terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal yang dibangkitkan oleh kawan saya, iaitu dari Johor Bharu, berhubung dengan Pulau Batu Putih. Walaupun Singapura mendakwa pulau tersebut ada milik mereka tanpa

menghiraukan fakta sejarah, Singapura tetap menuntut pulau itu sebagai miliknya. Saya takut, pada satu hari kelak, sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan, mereka akan menuntut pulau-pulau yang lain seperti Pulau Pisang, iaitu di dalam kawasan saya, sebagai milik mereka juga. Jadi, saya berharap Kerajaan perlu merundingkan masalah ini dengan bijak tanpa menjejaskan maruah negara dan saya beranggapan adalah satu langkah yang bijak sekiranya Kerajaan bertindak untuk membuka satu penempatan Pengkalan Tentera sepertimana yang dilakukan di Pulau Terumbu Layang-layang bagi memastikan agar keselamatan negara tidak terancam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Selain itu saya juga percaya terdapat berbagai ancaman yang boleh mengugat keselamatan negara tetapi saya berkeyakinan penuh bahawa pihak keselamatan memastikan agar keselamatan negara dapat dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi akhirnya sebagaimana yang kita ketahui bahawa kemantapan ekonomi sesebuah negara amat bergantung kepada kestabilan politik. Kita amat berasa dukacita atas cubaan beberapa golongan yang bertindak dengan menyebarkan khabar-khabar angin yang bertujuan untuk melemahkan ekonomi negara tetapi apa yang lebih menyedihkan lagi ialah tindakan yang dilakukan oleh segolongan ahli-ahli politik iaitu dari pihak Pembangkang yang berkepentingan diri dan menggunakan beberapa isu yang tidak munasabah bagi menjayakan cita-cita dirinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jadi, saya menyokong Belanjawan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Machang.

5.57 *ptg.*

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Belanjawan sulung beliau. Ucapan beliau bukanlah retorika bahkan ia merupakan cetusan idea dan cadangan-cadangan yang konkrit, konstruktif dan praktikal. Belanjawan ini bukan sahaja Belanjawan ulung Yang Berhormat Menteri Kewangan, ia juga mempakakan Belanjawan sepak mula atau "kick-off" ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Untuk menjadi sebuah negara maju sebagaimana yang diidam-idamkan, perancangan yang teliti di dalam bidang perindustrian adalah penting. Gagal jayanya kita untuk menjadi sebuah negara maju adalah bergantung di atas kejayaan kita di dalam merancang dan melaksanakan dasar perindustrian negara. Oleh itu langkah Kerajaan untuk meminda insentif atau galakan pelaburan adalah tepat pada masanya. Pindaan terhadap tarafperintis dan elaun cukai pelaburan adalah satu langkah yang wajar dan positif. Pindaan ini dijangka akan dapat menambahkan hasil negara. Sudah sampai masanya pindaan ini dibuat kerana perindustrian di Malaysia sudah sampai ke peringkat yang agak matang.

Di tahun-tahun 70an taraf perintis adalah penting di dalam usaha untuk menggalakkan pelaburan asing di Malaysia. Kita tidak seharusnya selarnalamanya memberi taraf perintis kepada para pelabur. Kita selama ini telah memberi insentif yang amat lumayan kepada pelabur-pelabur asing. Dengan

ini kita telah mengorbankan banyak hasil negara. Bermacam-macam cara telah dibuat oleh para pelabur asing untuk mengelakkan cukai dan mengekalkan taraf perintis seperti menubuhkan syarikat subsidiari yang baru setelah tempoh taraf perintis syarikat asal luput.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun KDNK kita telah meningkat dengan lajunya tetapi nisbah hasil cukai telah merosot daripada 23% di dalam separuh pertama dekad 80an kepada 19% di dalam separuh kedua dekad 80an.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini daya tarikan utama pelaburan ke negara kita adalah bukan disebabkan oleh insentif di atas. Daya tarikan sebenar ialah kestabilan politik, pimpinan yang dinamis dan infrastruktur yang baik. Sebagai sebuah negara yang stabil dan tergolong di dalam sebuah negara membangun yang terkedepan, kita tidak harus bersikap terlalu mengalah kepada pelabur asing. Nampaknya sekarang ini kita akur sahaja dengan kemahuan dan kehendak pelabur asing. Sebagai sebuah negara yang stabil, kita mempunyai bargaining power yang agak kuat di dalam menghadapi pelabur asing.

Oleh itu, saya mencadangkan juga supaya ekuiti yang diberi kepada pelabur asing di dalam barang-barang yang digalakkan (promoted items) dan barang-barang yang dieksport dihadkan kepada 80% sahaja. Dasar kita yang amat liberal mengenai ekuiti di atas telah sedikit sebanyak membantut usaha kita tintuk mencapai 30% penyertaan bumiputera di dalam perniagaan dan perindustrian di dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru. Kelemahan sepatutnya dijadikan pengajaran dan perlu diperbetulkan di dalam RRJP2 supaya kesilapan masa lampau tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perancangan industri untuk masa hadapan, kita seharusnya mengeluarkan satu dasar atau garis panduan khususnya untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Apakah jenis industri yang perlu

di masa hadapan? Kita mesti menekankan industri asas atau industri strategik seperti besi waja, elektrik dan elektronik. Walaupun di bidang industri lain taraf perintis harus dikaji semula tetapi di dalam bidang industri asas ini, taraf perintis atau galakan-galakan perlu diberi dengan sewajarnya.

Di dalam usaha untuk kita meningkatkan hasil, kita tidak perlu menarik balik semula insentif kepada semua industri. Industri asas dan strategik masih perlu dipupuk dan digalakkan. Untuk membangun dan memajukan industri kita perlu pekerja yang terlatih dan mahir. Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji keperluan pekerja terlatih khususnya di dalam sektor industri. Saya ingin tahu apakah terjadi kepada Jawatankuasa tersebut dan apakah perakuan dan hasil Jawatankuasa tersebut.

Universiti-universiti di negara ini perlu diperluaskan peranannya. Buat masa ini pusat-pusat pengajian tinggi hanya mengeluarkan siswazah-siswazah di dalam bidang yang tertentu. Saya mencadangkan supaya universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi tertentu digabungkan dengan industri strategik untuk menghasilkan teknologi yang diperlukan. Kita serahkan kepada pakar-pakar untuk menentukan cara mana gabungan ini dapat dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengemukakan bentuk baru industrial corridor negara. Pembahagian kawasan perindustrian secara main corridor dan mini corridor telah dimansuhkan. Sekarang hanya terdapat satu koridor sahaja. Dasar dan konsep koridor yang baru ini tidak bererti jika negeri-negeri yang kurang maju tidak diperbaiki infrastrukturnya. Negeri-negeri Pantai Timur yang dahulunya dikenali sebagai mini corridor perlulah ditingkatkan infra-

strukturnya. Perubahan dasar koridor tidak akan membawa sebarang perubahan jika ia tidak disusuli dengan improvement kemudahan asas tersebut.

Saya berharap setiap negeri yang terlibat dengan serambi perusahaan ini dipastikan mempunyai infrastruktur yang baik. Industri-industri tertentu perlu diagih mengikut kesesuaian negeri. Di Terengganu sudahpun ada sebuah kilang besi. Industri barang-barang yang berat seperti besi dan simen perlu ditempatkan berhampiran dengan pelabuhan. Oleh itu saya cadangkan sebuah pelabuhan dibina di tempat strategik di antara Kelantan dan Terengganu untuk membolehkan negeri Terengganu dan Kelantan menampung industri besi dan simen. Kelantan mempunyai potensi yang besar di dalam perusahaan simen.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini rakyat dan Kerajaan amat sedar dan prihatin terhadap kualiti alam sekitar. Di Dewan ini sahaja soalan-soalan telah bertalu-talu dikemukakan kepada Kerajaan mengenai pencemaran alam di berbagai tempat di negara ini.

Untuk mengatasi keadaan yang semakin mencabar ini, Kerajaan perlu memikirkan terhadap perancangan kawasan perusahaan dan perumahan. Apakah langkah Kerajaan untuk menyusun semula industri yang terletak di bandar-bandar khususnya industri-industri yang banyak memberi kesan kepada pencemaran alam. Kita semua tahu bahawa bandar-bandar seperti Shah Alam dan Petaling Jaya adalah bandar-bandar penduduk dan juga bandar industri. Adakah perancangan seperti ini sesuai di masa hadapan? Sebagaimana yang telah diutarakan oleh Menteri Kewangan bahawa persaingan di dalam bidang perindustrian semakin mencabar di masa hadapan.

Tidak lama lagi Negara Kesatuan Ekonomi Eropah, benar-benar akan mewujudkan single market, barang-barang yang diekspost ke EEC ini akan

dikenakan standard quality, apa yang dinamakan ISO 9,000. Soalnya adakah industri kita mengetahui hal ini, dan jika diketahui, mampukah barang kita mencapai mutu tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan struktur baru gaji sektor awam. Kakitangan sektor awam telahpun menikmati kenaikan gaji mereka di antara 8%-10%. Walau bagaimanapun gaji di sektor swasta tertentu tidak pernah disemak, walaupun gaji di sektor awam telah disemak beberapa kali, dan diubah beberapa kali di akhir-akhir ini.

Saya menyeru kepada pihak swasta khususnya syarikat-syarikat besar supaya mengkaji semula tanggagaji dan kemudahan pekerja masing-masing. Mereka seharusnya mencontohi sektor awam di dalam usaha untuk meningkatkan gaji dan kebajikan pekerja.

Di dalam usaha untuk mengaut keuntungan, pihak pengurusan sektor swasta tidak perlu semata-mata meminimumkan gaji pekerja. Mereka mengaut lebih keuntungan dengan memberi ganjaran yang lebih kepada pekerja, dengan ganjaran yang lebih, seorang pekerja akan lebih motivated dan lebih produktif. Seorang pekerja tidak akan meningkat kemahiran dan produktiviti mereka jika upahnya tidak setimpal dengan apa yang dihasilkannya, dengan itu motivasinya tumpul dan akibatnya pengeluarannya lemah.

Kenaikan gaji pekerja tidak semestinya merugikan syarikat atau mengurangkan keuntungannya, malahan ia mungkin akan dapat menambahkan keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu mengambil contoh yang jauh. Misalnya Gross National Product Singapore telah melonjak dengan cepatnya apabila Kerajaan Singapura campurtangan di dalam menentukan upah di dalam sektor swasta. Pekerja tertentu khususnya

dalam bidang nilai tambah yang tinggi lelah diberi gaji yang setimpal dengan kerja mereka hasil daripada campurlangan Kerajaan di dalam menentukan upah di sektor swasta.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan membuat sesuatu untuk menstabilkan gaji di sektor swasta. Bagi syarikat-syarikat sektor swasta keuntungan sahaja yang menjadi matlamat mereka, jika dengan meningkatkan gaji pekerja mengakibatkan penambahan daya pengeluaran dan keuntungan maka sektor swasta tidak akan teragak-agak untuk memperbaiki gaji pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membandingkan kelajuan pertumbuhan GNP Malaysia dengan beberapa negara Asia Timur. Statistik yang dipaparkan telah menunjukkan bahawa Malaysia jauh ketinggalan dari segi peningkatan GNP jika dibandingkan dengan GNP negara-negara tersebut. Beliau hanya membandingkan Malaysia dengan negara-negara yang paling pesat pertumbuhannya di dunia ini, iaitu Korea, Singapura, Taiwan dan Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara-negara tersebut telah dianggap sebagai Newly Industrialised Countries (NIC) ataupun Newly Industrialised Economy atau lebih dikenali dengan Four Tigers (Empat Ekor Harimau). Malaysia telah mengatasi beratus-ratus negara membangun yang lain dari segi kepesatan pembangunan dan kelajuan pertumbuhan GNP dari ratusan negara tersebut, hanya Uma atau enam negara sahaja yang mengatasi Malaysia dari segi kepesatan pembangunan. Satu kedudukan yang bagi saya amat memuaskan.

Bagi saya keeempat-empat negara NIC di atas sebenarnya adalah negara-negara maju, setaraf dengan negara-negara maju di Barat. Oleh kerana egoisma negara-negara Barat, mereka menamakan negara tersebut sebagai

NIC. Perkataan NIC dicipta untuk Negara Dunia Ketiga yang sudah maju. Adakah oleh kerana kita tidak boleh menjadi negara nombor satu, maka negara kita tidak baik? Ketua Pembangkang tidak menunjukkan aspek-aspek utama indicator pembangunan seperti kualiti kemudahan asas, kesihatan dan jangka hayat, pemilikan kenderaan dan lain-lain lagi. Jangka hayat penduduk-penduduk Malaysia setanding dengan Korea. Dari segi pemilikan, kereta kita yang kedua paling tinggi selepas Jepun. Kuala Lumpur mempunyai kereta yang paling banyak di Asia selain daripada bandaraya-bandaraya di Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagaimana Bar Council, DAP juga mempunyai hasrat tersirat dengan mengecil dan memburukkan imej Malaysia. Mereka berbuat demikian untuk mengelak dan, dengan izin, discourage, pelabur-pelabur asing dari melabur di Malaysia. Mereka mengharapkan supaya pelabur-pelabur asing mengubah destinasi pelaburan mereka ke Taiwan, Hong Kong, China dan Singapura. Perbuatan mereka ini tidak lain daripada economic sabotage.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik hasrat Kerajaan Pusat untuk menaikkan kadar capitation grant dan lain-lain pemberian kepada Kerajaan Negeri. Langkah ini akan melegakan Kerajaan Negeri, khususnya Negeri Kelantan yang kedudukan kewangannya amat tenat sekarang. Sayangnya kita yang berusaha supaya Kerajaan Pusat menambahkan bantuan kepada Kerajaan Negeri seperti negeri Kelantan ini digelar 'pelacur politik', sedangkan PAS yang bersekedudukan tanpa nikah dengan DAP (*Tepuk*) tidak digelar 'pelacur politik'¹ (*Ketawa*). Sebenarnya secara sulit, secara tidak rasmi mereka berpakat dengan DAP, tetapi mereka menafikannya di hadapan rakyat. Mereka berpakat secara tidak rasmi, secara sulit, tanpa sebarang surat rasmi. Ini bermakna PAS dan DAP

bersekedudukan tanpa nikah. (*Tepuk*) Bagi saya mereka ini penzina politik. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, PAS memaki kita sebagai 'pelacur politik' dan pemimpin UMNO sebagai zalim, taughot dan lain-lain nama yang keji. Tetapi pemimpin-pemimpin PAS di negeri Kelantan termasuk Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar sanggup datang ke Kuala Lumpur untuk menemui Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk mengemis, menadah "tempurung dan guni buruk dari Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Ahli Parlimen Machang, PAS mengambil Dato Muslim dari Kedah yang dahulunya orang UMNO, telah dihukum di mahkamah dan didapati bersalah. Tetapi sekarang ini menjadi orang kuat PAS dalam pimpinan PAS, bertanding atas nama PAS. Apakah jenis parti PAS dalam konteks ini? Adakah ia juga penzina politik?

Perkara, yang kedua saya hendak bertanya bahawa Ahli Parlimen Nilam Puri dahulu dua kali bertanding di Permatang Pauh, dua kali kalah, akhir sekali bertanding di Kelantan, sebab hendak mencari kemenangan dan faedah diri. Apakah ini juga bukan pelacur politik?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Saya lebih daripada bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*) Tetapi apabila pulang ke Kelantan mereka mengatakan kedudukan kewangan negeri Kelantan amat kukuh dan tidak perlu bantuan pusat.

Tuan Yang di-Pertua, kedatangan mereka ini ke Kuala Lumpur untuk mengemis, sebenarnya tidak lain daripada sikap seperti ibu ayam mencari pelanggan untuk pelacur-pelacurnya. Apakah PAS buat selama setahun lebih memerintah Kelantan? Sepanjang yang saya tahu PAS, terutama ulama-ulama PAS tidak putus-putus mengeluarkan fatwa mengenai wanita, sejak memerintah Kelantan, saya tidak tahu mengapa ulama PAS ini suka sangat mengambil tahu hal titik-bengik mengenai wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berpindah parti ini bukanlah satu fenomena baru, seperti yang telah disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat dari Pasir Mas. Perkara ini telah berlaku terlebih dahulu, kita dapati bahawa pemimpin-pemimpin PAS sendiri termasuk Dato' Asri, Dato' Othman Abdullah dan lain-lain telah berpindah parti, dan mungkin ada yang akan masuk tidak berapa lama lagi. *(Tepuk)*

Tetapi sebaliknya, mereka yang berhijrah daripada UMNO ke PAS tidak digelar pelacur politik. Tadi, saudara saya dari Pasir Mas telah memberi nama, contohnya Dato' Muslim, seorang yang telah disabitkan kesalahannya kerana rasuah. Sudah tentu kalau dia berada di dalam UMNO, beliau tidak ada chance jadi calon. Apabila dia masuk PAS, jadi calon. *(Tepuk)* Jadi, tidakkah ini pelacur politik? *(Tepuk)*

Jadi, nampaknya PAS menggunakan double standard dalam issue ini, malah triple standard, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Jelulong.

6.11 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1992.

Tuan Speaker, Perhimpunan UMNO baru-baru ini telah membawa tumpuan yang tajam terhadap berbagai isu berkenaan dengan masa hadapan negara kita. Dalam tahun 1984, Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed membuat satu cubaan yang tidak berhasil untuk menghalau Raja-raja daripada kedudukan mereka yang sah yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Latihan itu oleh Perdana Menteri ialah mengakibatkan satu pindaan yang unik kepada Perlembagaan di mana Yang di-Pertuan Agong boleh mengambil bahagian dalam proses membuat undang-undang dengan menghantar balik kepada Parlimen suatu Rang Undang-undang sekiranya Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenannya. Memang tentunya, selepas Rang Undang-undang dikembalikan kepada Yang di-Pertuan Agong pada kali yang kedua, Rang Undang-undang akan menjadi undang-undang dalam tempoh tiga bulan sekiranya perkenanan Yang di-Pertuan Agong tidak diperolehi.

Tuan Speaker, dalam Perhimpunan UMNO yang baru-baru ini, beberapa pegawai-pegawai kanan telah menyerang atau mengkritik Raja-raja beberapa kali dalam bahasa yang melampau atau kata-kata yang mengejek.

Dalam ucapan penutup dalam Perhimpunan UMNO, Perdana Menteri berkaia, "Adalah orang-orang Melayu yang menegaskan supaya menubuhkan suatu sistem Raja-raja berperlembagaan untuk memelihara institusi itu". Dr Mahathir menambah, bahawa orang-orang Melayu bertindak kerana sistem tersebut telah diancam oleh pihak British yang bertujuan mengurangkan kedudukan Raja-raja Melayu kepada pemimpin-pemimpin agama sahaja.

Orang-orang Melayu telah bangkit dengan sepenuh kuasanya untuk membela Raja-raja mereka.

Tuan Speaker, mengapa Perdana Menteri cuba mengurangkan kuasa Raja-raja dalam tahun 1984 apabila orang-orang Melayu bangun untuk membela Raja-raja bila pihak British cuba mengelakkan penubuhan Malayan Union? Jelasnya Perdana Menteri menggunakan cubaan yang tidak berjaya itu dalam tahun 1984 untuk mencapai cita-cita political sendirinya. Mengapa adanya keperluan untuk Perdana Menteri cuba supaya sendirinya memegang kuasa untuk mengisytiharkan darurat bila sepanjang masa itu, ia adalah hak istimewa Yang di-Pertuan Agong memandangkan Perlembagaan Persekutuan telah diperkenalkan sejak tahun 1957 bila kita mencapai kemerdekaan daripada pihak British.

Tuan Speaker, Perdana Menteri harus ikhlas dan tidak terlalu bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh pengikut-pengikutnya lewat-lewat ini mengenai imej antarabangnya. Saya harap serangan-serangan yang diuruskan dari pentas terhadap Raja-raja di Perhimpunan UMNO bukanlah satu pertunjukan pendahuluan mengenai penghapusan sama sekali sistem Raja-raja dalam negara kita.

Tuan Speaker, sistem kami adalah satu sistem Raja-raja berperlembagaan. Kebanyakan Raja-raja yang ada di dunia ini sekarang adalah di Malaysia. Raja-raja adalah satu kawalan ke atas Kerajaan untuk memastikan supaya Eksekutif tidak melebihi batasan-batasan kuasanya untuk membuat undang-undang. Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja lain mesti menegaskan supaya hanya undang-undang yang adil dan munasabah diperbuatkan. Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, yang kaya dengan pengalaman kehakiman, patut bertindak tanpa perasaan takut dan berat sebelah.

Saya kesal Yang di-Pertuan Agong tidak campurtangan walaupun terdapat pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah baru-baru ini yang tentunya bukan di dalam kepentingan orang ramai. Pindaan itu hanya menambahkan kepada senjata-senjata kuat yang Kerajaan sedia ada dalam bentuk Akta Keselamatan Dalam Negeri dan undang-undang lain yang menindas.

Tuan Speaker, jika Raja-raja tidak sedia bangun untuk membela hak-hak orang-ramai yang sah, di manakah orang-ramai boleh berpaling bila Barisan Nasional dengan majoritinya yang kuat dalam Parlimen boleh membuat apa-apa undang-undang dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Speaker, memang tentunya Raja-raja mesti memperoleh penghormatan dari orang-ramai. Raja-raja harus memberi contoh-contoh yang baik. Pendek kata, Raja-raja tidak harus memberi apa-apa sebab untuk dikritikkan. Raja-raja juga memanglah manusia dan oleh yang demikian, boleh membuat kesilapan. Walau bagaimanapun, tidak ada apa-apa dalih harus diberi kepada Kerajaan untuk menghapuskan sistem Raja-raja. Untuk masa ini, Raja-raja mempunyai satu peranan yang penting untuk dimainkan. Saya harap peranan itu akan dimainkan dengan berkesan dan demi kepentingan orang-ramai.

Suatu topik lain yang penting yang saya ingin sentuh ialah kepentingan Kerajaan menunaikan kenyataan-kenyataan awam Menteri-menteri, termasuk Timbalan-timbalan Menteri.

Tuan Speaker, pada 1 April 1991, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid menyatakan secara awam bahawa Menteri Dalam Negeri tidak bercadang untuk menyekat penagih-penagih dadah kerana mereka patut dianggap sebagai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan. Timbalan Menteri itu menegaskan, "Oleh kerana mereka sakit, mereka memerlukan rawatan

melalui pemulihan dan bukan diberi sebatan rotan".

Tuan Speaker, Dato' Megat Junid pada masa itu membuat alasan berhubungan dengan cadangan bekas Ketua Pengarah Biro Anti-Dadah, Datuk Mohamed Jarjis bahawa penagih-penagih disebat. Memang tentunya Datuk Mohamed Jarjis tidak ada pengetahuan tentang teori-teori hukuman yang diterima di merata-rata dunia. Beliau tidak tahu apa yang dicakapkannya. Tetapi Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid tentunya tahu apa yang dicakapkannya, Beliau, tanpa keraguan, memanglah betul bila dia berkata penagih-penagih dadah ialah pesakit-pesakit dan patut dirawat sedemikian dan bukan disebat. Tidak ada keraguan dan setiap orang yang waras akan bersetuju bahawa menyebat orang-orang yang sakit adalah biadap. Penagih-penagih dadah adalah orang-orang yang sakit dan memerlukan pemulihan yang serta-merta. Tetapi, dukacitanya, pegawai undang-undang yang tertinggi dalam negara ini, Yang Berhormat Peguam Negara, berfikir sebaliknya.

Tuan Speaker, pada 30 Oktober 1991, saya menulis satu surat terbuka kepada Yang Berhormat Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib dan menunjuk kepadanya keperluan untuk mengecualikan penagih-penagih dadah daripada sebatan rotan. Saya sebut dari surat terbuka saya kepada Yang Berhormat Peguam Negara dan dengan keizinan Tuan Speaker, saya ingin bacakan apa yang saya hantar kepada Peguam Negara dalam bahasa Inggeris:

"I write this open letter to you in all earnest and in the public interest.

The Supreme Court yesterday dismissed the abovementioned appeal. However, it is significant to note in the course of my submissions, Supreme Court Judge, Justice

Mohamed Azmi Kamaruddin, interjected and said, the matter with regard to the undesirability of whipping of addicts should be taken up in Parliament. I had replied that I would support any move by the Government to amend section 39A of the Dangerous Drugs Act, 1952 which provides for a minimum of six strokes of the rotan irrespective of whether a prisoner has been found to be an addict by a court of law.

As you are, no doubt, aware the provision of whipping was included in section 39A before the decision in the Cohen case at first instance by Justice Mohamed Dzaiddin on 1 st September, 1987 in the High Court in Penang. Justice Dzaiddin had said, inter alia,

"On the basis of evidence, ... I believe him that he is an addict. Even looking at him throughout this trial, he appeared to me to be one".

Justice Dzaiddin sentenced Aaron Cohen to life imprisonment with six strokes of the rotan.

On 21 August 1989, the Supreme Court affirmed the conviction and sentence of the High Court, Penang including the sentence of whipping.

Before the Cohen case, it was not contemplated that 39A would bring into its ambit and scope one who was an addict, and found by court to be one on the evidence led.

You must, of course, agree (Nay, you are obliged to!) that addicts ought not to be whipped. They need to be rehabilitated. Whipping addicts goes against all theories of punishment.

However, the courts are bound to apply the law. I take it you did not urge the Pardons Board to exempt Aaron Cohen from whipping despite the finding by the High Court, Penang

and the Supreme Court that he was an addict. The Constitution provides for your presence as a member of the Pardons Board. Additionally, your report, contents whereof are not made known to the prisoner or his lawyer, is considered by the Pardons Board. The prisoner or his lawyer cannot be present at proceedings before the Pardons Board, most regrettably and unfortunately.

It is certainly fair to assume the Pardons Board was not urged to exempt Aaron Cohen from whipping by any member of the Pardons Board. I do not believe His Excellency the Governor of Penang would have insisted upon the whipping to be carried out had he been apprised of the fact that Aaron Cohen had been found to be an addict by the High Court, Penang and the Supreme Court upon the basis of concrete evidence led.

Be that as it may, on 1st April, 1991 Deputy Home Minister, Dato' Megat Junid, publicly announced the Home Ministry did not plan to whip drug addicts as they were regarded as patients requiring treatment. I had welcomed that statement and, in the public interest, urged the Government to initiate an amendment to section 39A, in the present session of Parliament to exclude mandatory whipping, so that courts could have discretion to exempt addicts found guilty under section 39A from whipping.

It is a matter of great regret that no efforts have been made to seek the desired amendment to section 39A to date by the Government.

I urge you, in the public interest, to forthwith advise the Government to table the amendment I have proposed for the benefit of not only Aaron Cohen, but so many other Malaysian prisoners in a similar predicament.

In the meantime, please ensure all prisoners in the country, including Aaron Cohen, are not whipped.

As legal adviser to the Cabinet, I fervently urge you to immediately urge the Government, in the public interest, to table the amendment I have proposed to section 39A."

Tuan Speaker, saya menerima jawapan pada 12hb November tahun ini yang berikut daripada Yang Berhormat Peguam Negara:

"Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Yang Berhormat bertarikh 30hb Oktober 1991 mengenai perkara yang tersebut di atas,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, wabak penagihan najis dadah yang dihadapi oleh negara merupakan satu ancaman yang serius kepada kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara. Oleh yang demikian, usaha-usaha pencegahan dan pengawalan penyalahgunaan najis dadah perlulah dipertingkatkan di semua peringkat bagi menentukan wabak itu dapat dibendung dan seterusnya dihapuskan sama sekali. Setakat ini Kerajaan telahpun menjalankan beberapa langkah tegas ke arah pencapaian matlamat itu. Namun demikian, negara ini masih menghadapi masalah penyalahgunaan najis dadah yang serius. Oleh yang demikian, saya berpendapat seksyen 39A wajarlah dikekalkan dalam keadaannya sekarang. Saya juga berpendapat sesiapa yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Dangerous Drugs Act 1952 dan didapati bersalah hendaklah terus dikenakan hukuman seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berkenaan dan bagi mereka yang telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang, hukuman itu hendaklah dijalankan tanpa sebarang

halangan dari mana-mana pihak. Dengan cara ini, mudah-mudahan Kerajaan akan dapat mencapai kejayaan dalam usahanya menjadikan Malaysia bebas dari masalah najis dadah."

Tuan Speaker, jelas sekali, Yang Berhormat Peguam Negara tidak percaya menghadapi masalah dengan tepat. Beliau tidak mengarah diri kepada kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa penagih-penagih tidak patut disebat.

Setiap orang tahu bahawa wabak penagihan dadah yang dihadapi oleh negara kita adalah satu ancaman yang serius kepada kesejahteraan dan keselamatan negara kita. Walau bagaimanapun, kenyataan awam oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, yang secara berkesan, adalah pendirian Kerajaan mengenai subjek tersebut ialah isu Yang Berhormat Peguam Negara harus menghadapi.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Peguam Negara harus menasihatkan Kerajaan untuk memperbuatkan undang-undang untuk mengecualikan penagih-penagih dadah daripada disebat. Sebagai penasihat kepada Kabinet, adalah kewajipannya untuk bertindak. Saya tidak boleh terima jawapan Yang Berhormat Peguam Negara kepada saya sebagai penamatan perkara ini.

Saya menyuruh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid sediri supaya memujuk Kerajaan supaya memerintahkan pengecualian sebatan kepada semua yang didapati adalah penagih di mahkamah undang-undang selaras dengan kenyataan awamnya pada 1 hb April tahun ini bahawa penagih-penagih adalah pesakit dan tidak patut disebat. Saya menyuruh Timbalan Perdana Menteri supaya meletakkan jawatannya sekiranya beliau memilih tidak menunaikan kenyataan awamnya.

Sayajuga menyuruh Perdana Menteri supaya mengulas atau, dengan izin, break his silence terhadap perkara ini sebagai Menteri Dalam Negeri. Perdana Menteri adalah bertanggungjawab kepada semua kenyataan-kenyataan awam oleh Timbalannya. Saya telah menulis kepada Perdana Menteri pada 31hb Oktober tahun ini dalam ayat-ayat seperti yang ditulis kepada Peguam Negara.

Saya masih belum menerima jawapan dari Perdana Menteri walaupun suatu peringatan telah dihantar semalam kepadanya melalui fax dan surat. Sebagai seorang kedokteran, Perdana Menteri mesti, sekiranya perlu, memberi satu jawapan. Sekiranya beliau tidak mahu mempenalikan pendirian yang diberi oleh Timbalannya, beliau patut berkata demikian.

Tuan Speaker, sebatan ke atas Aaron Cohen walaupun beliau didapati seorang penagih dan jadinya seorang pesakit oleh Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang dan Mahkamah Agung dan dalam keadaan di mana suatu kenyataan awam pada 1 hb April tahun ini oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri akan bermakna penurunan kepada apa yang dengan tepatnya dan wajarnya dipanggil "barbaric". Kami telah dituduh sebagai "barbaric" oleh Perdana Menteri Australia, Tuan Bob Hawke, di mana Barlow dan Chambers digantung dalam bulan Julai, 1986. Jangan memberi New Zealanders menuduh kami "barbaric" dengan alasan bahawa kami tidak menunaikan pengumuman awam Menteri kami.

Perdana Menteri patut "mag-nanimous" untuk mengantara (intercede) dengan segera dan menunaikan apa yang diumumkan publik oleh Timbalannya.

Tuan Speaker, pada pengetahuan saya, Kedutaan New Zealand, telah pada masa yang lepas merayu untuk mengecualikan sebatan bagi Aaron

tetapi ini adalah sebelum kenyataan pada 1 hb April, 1991 oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Timblan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan S.Karpal Singh: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 5 minit lagi esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.